ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"WAHAI orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum mengejek-ejek satu kaum yang lain, boleh jadi kaum yang diejek itu lebih baik daripada mereka dan janganlah pula (satu kaum) perempuan mengejek perempuan yang lain, boleh jadi perempuan yang diejek itu lebih baik daripada mereka. Dan janganlah kamu mencaci sesama kamu dan janganlah pula kamu panggil-memanggil dengan gelaran buruk. Seburuk-buruk panggilan adalah panggilan fasik sesudah seseorang itu beriman...".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Hujuraat, ayat 11.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.40 | SUBUH 4.50 | SYURUK 6.07 | DUHA 6.29 | ZUHUR 12.10 | ASAR 3.23 | MAGHRIB 6.10 | ISYAK 7.19 | Daerah Belait ditambah 3 minit, Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 120 | 6 OKTOBER 2025 / 1447 ربيع الأخر 14 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA




IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

# DAERAH TUTONG JUNJUNG KEBERANGKATAN RAJA TERCINTA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemar duli bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (*Lihat muka 3 hingga 5*).

# Procure.bn : Transformasi digital, pertumbuhan ekonomi inklusif

**Siaran Akhbar : procure.bn**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 5 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) mengambil langkah berani ke arah transformasi digital dan pertumbuhan ekonomi inklusif dengan pelancaran rasmi 'procure.bn', sebuah platform perolehan yang menghubungkan perniagaan merentas semua sektor dengan ketelusan, kecekapan dan kemudahan yang lebih baik.

>> Muka 8

# Berbakti, menghormati ibu bapa sebagai tanda syukur kepada Allah

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 5 Oktober. - 'Kasih Ibu Hingga Ke Syurga, Kasih Ayah Selamanya' menekankan kepentingan berbakti dan menghormati ibu bapa sebagai tanda syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Anak-anak digalakkan mentaati, memenuhi keperluan, berbicara dengan sopan, mendengar nasihat, serta mendoakan kesejahteraan dan kesihatan ibu bapa. Berbakti kepada ibu bapa, terutamanya ketika usia mereka lanjut, membawa keberkatan, keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, dan membuka jalan menuju pahala di dunia dan akhirat.

Anak-anak diseru untuk sentiasa menghargai pengorbanan ibu bapa selagi Allah Subhanahu Wata'ala masih memberikan peluang.

>> Muka 9

# Berita Utama




SEMAI kesedaran, membina empati, menggerakkan masyarakat menyertai kerja amal

Muka 9



PEMENANG Hadiah Terjemahan Mastera Peringkat Negara diraikan

Muka 12



BERSAMA menangani isu konflik manusia, buaya di perairan negara

Muka 13




ZULFAN - Fokus kepada kesejahteraan mental demi pembangunan belia

Muka 21

PELITA BRUNEI

# Majlis Ilmu 2025 ajak masyarakat bersedekah sebagai budaya hidup berterusan

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdullilahi Rabbil 'Alameen,**
**Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Ambiae Walmursaleen,**
**Saidina Muhammadin Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajama'een.**

**DENGAN** penuh hormat dan takzim, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2025, bagi pihak Penasihat-penasihat Bersama, Pengerusi-pengerusi Bersama, dan semua peringkat Ahli Jawatankuasa Pandu serta Jawatankuasa Kerja, menyembahkan sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas kurnia perkenan Kebawah Duli Tuan Patik bercemar duli berangkat bagi menyerikan Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2025 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Tuan Patik yang Ke-79 seterusnya berkenan mengurniakan titah dan pelancaran buku 'Negara Ditanai Dengan Sedekah' seterusnya diikuti dengan menyaksikan Pameran Majlis Ilmu pada pagi yang penuh keberkatan ini.

Keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik bersama kerabat-kerabat diraja dan kurnia titah perasmian Kebawah Duli Tuan Patik adalah kurnia-kurnia yang amat besar ertinya, menambah seri dan keberkatan majlis, serta menyerlahkan kepimpinan intelektual dan keprihatinan mendalam Kebawah Duli Tuan Patik terhadap pemartabatan ilmu sebagai teras pembangunan Negara Brunei Darussalam (NBD), selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Disembahkan sejak mula dianjurkan pada tahun 2004, Majlis Ilmu telah menjadi acara tahunan yang memartabatkan ilmu sebagai teras pembangunan negara, di samping memperkukuh nilai Melayu Islam Beraja. Tema-temanya sentiasa dirangka selaras dengan titah dan pandangan jauh Kebawah Duli Tuan Patik, merangkumi aspek pengukuhan akidah, pembinaan masyarakat berilmu, penghayatan nilai rohani, kelestarian alam sekitar, pembangunan insan, inovasi dan kesejahteraan sosial. Dari tahun ke tahun, Majlis Ilmu berkembang sebagai platform yang bukan sahaja menyuburkan wacana ilmiah, malah menghubungkan warisan keilmuan Islam dengan keperluan dan cabaran semasa negara.

Tahun 2025 meneruskan kesinambungan ini dengan tema 'Negara Ditanai dengan Sedekah', yang mengangkat budaya memberi sebagai asas kekuatan rohani dan sosial, pemangkin keberkatan serta teras pembangunan negara yang sejahtera lagi dirahmati Allah.

Tema 'Negara Ditanai dengan Sedekah' satu gagasan yang mengangkat sedekah bukan sekadar amalan memberi, tetapi sebagai asas kekuatan sosial, penolak atau penghindar bala dan pemangkin keberkatan negara. Tema ini selaras dengan titah Kebawah Duli Tuan Patik bersempena Menyambut Awal Bulan Ramadan bagi tahun 1443 Hijrah / 2022 Masihi iaitu :

*"Rahsia sedekah sungguh istimewa. Ia bukan sahaja untuk membantu golongan yang memerlukan, tetapi sedekah juga adalah penolak bala dan bahkan ubat penawar untuk menyembuhkan penyakit"*.

Disembahkan bahawa Majlis Ilmu tahun ini dianjurkan bersama oleh Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pembangunan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis Ilmu 2025 akan memperincikan tajuk sedekah, mencakupi zakat, bantuan kebajikan dan segala bentuk sumbangan yang memupuk sifat pemurah, mengikis sifat individualistik serta memperkukuh perpaduan ummah.

Perasmian Majlis Ilmu tahun ini akan diisikan dengan Ceramah Khas yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan NBD.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga dengan penuh hormat dan takzimnya menyembahkan bahawa Majlis Ilmu 2025 akan diserikan dengan, beberapa siri pengisian ilmiah iaitu Pameran Majlis Ilmu, Forum Perdana, Ceramah Perdana, dan Seminar Majlis Ilmu.

Seterusnya disembahkan, bagi memperluas capaian dan penghayatan tema Majlis Ilmu 2025, Forum Majlis Ilmu Daerah-daerah akan diadakan di keempat-empat daerah. Forum-forum ini akan membincangkan konsep sedekah jariah, memperluas pemahaman tentang pelbagai bentuk sedekah serta menekankan peranan pendidikan dan teladan dalam membentuk budaya memberi sejak usia muda.

Majlis Ilmu 2025 ini dihasratkan untuk menjadi wahana yang bukan sahaja memperkukuh kefahaman tentang fadilat sedekah, malah menggerakkan seluruh lapisan masyarakat untuk menjadikannya sebagai budaya hidup yang berterusan. Sedekah, dalam erti kata yang luas sama ada dalam bentuk harta, ilmu, masa, mahupun tenaga adalah asas pembinaan ummah yang penyayang, bersatu padu dan berdaya tahan.

>> Muka 8



**MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa menyampaikan sembah alu-aluan pada Majlis Ilmu 2025 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Tahun pada Khamis, 3 Rabiulakhir 1447 Hijrah / 25 September 2025 Masihi bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| OKTOBER MASIHI | HARI | RABIULAKHIR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 6 | ISNIN | 14 | 4.40 | 4.50 | 6.07 | 6.29 | 12.10 | 3.23 | 6.10 | 7.19 |
| 7 | SELASA | 15 | 4.39 | 4.49 | 6.07 | 6.29 | 12.09 | 3.23 | 6.10 | 7.19 |
| 8 | RABU | 16 | 4.39 | 4.49 | 6.07 | 6.29 | 12.09 | 3.23 | 6.09 | 7.18 |
| 9 | KHAMIS | 17 | 4.39 | 4.49 | 6.06 | 6.29 | 12.09 | 3.23 | 6.09 | 7.18 |
| 10 | JUMAAT | 18 | 4.39 | 4.49 | 6.06 | 6.29 | 12.08 | 3.23 | 6.08 | 7.18 |
| 11 | SABTU | 19 | 4.39 | 4.49 | 6.06 | 6.28 | 12.08 | 3.24 | 6.08 | 7.17 |
| 12 | AHAD | 20 | 4.38 | 4.48 | 6.06 | 6.28 | 12.08 | 3.24 | 6.08 | 7.17 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 33 25 °C | 33 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Bangar | 33 25 °C | 33 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Tutong | 33 25 °C | 33 25 °C | 32 25 °C |
| Kuala Belait | 33 25 °C | 33 25 °C | 32 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 6 OKTOBER 2025

# Manfaatkan kelebihan AI untuk hasil kerja yang lebih produktif

**KECERDASAN** Buatan atau AI bukanlah sesuatu yang asing kini dalam dunia pekerjaan. Ini kerana ia memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecekapan dan daya saing dalam pelbagai sektor termasuk kewangan, pemasaran, sumber manusia dan sokongan pelanggan.

AI merujuk kepada sistem atau mesin yang direka untuk meniru kebolehan kognitif manusia seperti membuat keputusan, belajar daripada data dan menyelesaikan masalah. Gabungan kecekapan AI dan kepakaran manusia mewujudkan suasana kerja yang lebih produktif, cekap dan berinovasi. Walaupun AI menawarkan banyak kelebihan, ia turut datang bersama beberapa batasan dan risiko yang perlu dikenal pasti sejak awal.

Bersempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-32, satu Persidangan Khas Perkhidmatan Awam telah diadakan baru-baru ini membawakan tema 'Transformasi Digital dan Inovasi Berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) dalam Perkhidmatan Awam' yang bukan sahaja mengingatkan kita bahawa AI bukan sekadar tentang teknologi tetapi mengenai transformasi. Transformasi dengan inovasi yang lebih moden dan canggih sangat perlu untuk meningkatkan sistem tadbir urus yang beretika dan selamat, serta tenaga kerja yang memiliki kemahiran untuk menjadikan AI sebagai penyelesaian yang nyata.

AI dan alat digital adalah pemangkin di mana ia membantu kita membayangkan semula bagaimana kerajaan menyampaikan perkhidmatan yang lebih pantas, lebih mudah dan lebih berteraskan keperluan rakyat.

Jika diimbas semula perbezaan dunia pekerjaan dahulu dan sekarang memang terdapat jurang yang dalam. Jika kita tidak mengikut arus perkembangan dunia yang sentiasa berubah dan berkembang pesat, dikhuatiri kita akan jauh ketinggalan. Oleh kerana itu, kemahiran serta kemampuan kita untuk menggunakan aplikasi AI boleh meningkatkan kecekapan serta memudahkan proses kerja harian. Walau bagaimanapun kebergantungan berlebihan terhadap AI boleh menjejaskan perkembangan kemahiran asas seperti penyelesaian masalah, komunikasi, atau pemikiran logik dalam kalangan pekerja.

Memahami aplikasi AI dalam konteks pekerjaan bukan sahaja penting untuk menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi, tetapi juga membuka peluang kepada pekerja untuk meningkatkan kebolehpasaran dan daya saing kerjaya mereka. Sebagai penjawat awam kita seharusnya berani mencuba sesuatu yang baharu agar mutu perkhidmatan kita lebih berkesan dan dapat memenuhi ekspektasi orang ramai.

Mungkin ada sesetengah orang bimbang dengan penggunaan AI akan menutup peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa AI bukan bertujuan untuk menggantikan manusia sepenuhnya. Sebaliknya, ia berfungsi sebagai alat sokongan yang dapat mengurangkan beban tugas berulang serta membolehkan pekerja memberi tumpuan kepada kerja yang lebih strategik dan bernilai tinggi. Tambahan lagi, AI dapat membantu meningkatkan keupayaan individu dan pasukan untuk bekerja dengan lebih bijak dan efektif.

Kemahiran ini bukan sahaja meningkatkan nilai seseorang pekerja, tetapi juga memastikan bahawa AI digunakan secara beretika dan berkesan dalam sesebuah organisasi. Oleh itu kita seharusnya bertindak bijak dalam menggunakan AI untuk hasil yang produktif. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

# DAERAH TUTONG JUNJUNG KEBERANGKATAN RAJA TERCINTA





**KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda di Helipad (atas). Manakala gambar kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong.**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto: Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**TUTONG**, Sabtu, 4 Oktober. - Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan rakyat dan penduduk daerah berkenaan.

Hampir seluruh penduduk di Daerah Tutong hadir menyaksikan majlis tersebut bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 yang berlangsung di kawasan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong, hari ini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja di Helipad dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-79, Tahun 2025; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin; Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Salminan bin Haji Burut; Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri dan seterusnya dijunjung berangkat ke Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong untuk beristirahat.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Di tepi-tepi jalan bermula dari kawasan Helipad di Sungai Basong menuju ke Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, murid-murid sekolah Arab, rendah dan menengah kerajaan juga swasta berbaris memegang bendera kecil Negara Brunei Darussalam untuk mengalu-alukan keberangkatan baginda dan kerabat diraja sambil mengibarkan bendera tersebut serta melambaikan tangan mereka sambil terpancar kegembiraan di wajah mereka.

Di jalan masuk Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan pula, paluan hadrah bergema sebaik sahaja baginda berserta kerabat diraja berangkat tiba di kompleks tersebut di mana Kebawah DYMM berserta kerabat diraja dijunjung oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

>> Muka 4







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bercemar duli pada majlis berkenaan (atas sekali, atas dan kiri). Sementara gambar kanan, para penuntut sekolah berbaris di sepanjang tepi jalan raya sambil mengibarkan bendera-bendera kecil Negara Brunei Darussalam bagi sama-sama mengalu-alukan keberangkatan baginda serta kerabat diraja.**







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli bersama lapisan masyarakat Daerah Tutong (atas kiri dan atas kanan).**

>> Muka 3

Sejurus keberangkatan tiba, Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' berkumandang serta diiringi oleh Pancaragam PPDB.

Majlis diteruskan dengan Persembahan Khas bertemakan 'Raja Bijaksana Sumber Inspirasi Rakyat' daripada 379 peserta terdiri daripada penuntut-penuntut sekolah rendah juga menengah serta puak dan masyarakat dari Daerah Tutong.

Kebawah DYMM seterusnya dijunjung berangkat ke Pentas Persembahan Khas bagi sesi bergambar ramai dan berkenan beramah mesra bersama para peserta Persembahan Khas, sebelum berangkat bercemar duli bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong.

Antara yang menyertai Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong ialah ABDB, penuntut-penuntut sekolah, Perkhidmatan Awam, mukim-mukim di Daerah Tutong iaitu Mukim Ukong, Mukim Lamunin, Mukim Telisai, Mukim Tanjong Maya, Mukim Pekan Tutong, Mukim Keriam, Mukim Kiudang, Mukim Rambai.

>> Muka 5









**SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda pada Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong (atas, atas kiri, kiri, bawah dan bawah kiri).**








**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda serta adinda baginda berkenan berangkat ke Majlis Santap di Dewan Persantapan, Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan (kiri dan kanan).**

>> Muka 4

Turut menyertai, masyarakat dan Dewan Perniagaan Tionghua; masyarakat dan Dewan Perniagaan India, syarikat-syarikat telekomunikasi, Pusat Kegiatan Warga Emas, persatuan dan kumpulan belia.

Pada Majlis Ramah Mesra tersebut, Kebawah DYMM juga berkenan menerima beberapa pesambah yang disembahkan khas sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-79.

Kemudian Kebawah DYMM berserta kerabat diraja dijunjung berangkat bagi Majlis Santap di Dewan Persantapan, Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan yang didahului dengan bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Tutong, Awang Haji Kaharudin bin Mohd. Ali.

Pada majlis itu, Kebawah DYMM juga berkenan memotong Kek Hari Keputeraan dan menerima pesambah yang disembahkan khas sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-79.

Sebelum berangkat balik meninggalkan Dewan Persantapan Dewan Utama, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan jemputan-jemputan khas.

Turut hadir, Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap.









**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan memotong Kek Hari Keputeraan dan seterusnya berkenan beramah mesra (atas kiri, atas dan kiri). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut. Sementara gambar bawah kanan, Doa Selamat dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Tutong, Awang Haji Kaharudin bin Mohd. Ali.**





# PERSEMBAHAN KHAS MEMARTABATKAN SENI WARISAN, KEBUDAYAAN BANGSA



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Persembahan Khas Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong. Turut berangkat, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**TUTONG**, Sabtu, 4 Oktober. - Keunikan Persembahan Khas Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong yang dipersembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun 2025, terserlah dengan penglibatan ramai peserta yang terdiri daripada masyarakat kampung, persatuan, penuntut sekolah serta penggiat seni tanah air yang bergabung dalam satu persembahan.

Persembahan Khas yang berlangsung di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong itu bertemakan 'Raja Bijaksana Sumber Inspirasi Rakyat' yang bermaksud raja bijaksana asas kemajuan negara sumber inspirasi rakyat ke arah mewujudkan negara makmur, persembahan berkonsepkan Pentas Seni Diraja yang menggabungkan persembahan seni warisan dan kebudayaan bangsa.

Persembahan Khas dengan huraiannya iaitu memartabatkan seni warisan dan kebudayaan bangsa agar terus hidup subur zaman-berzaman seiring dengan hasrat dan wawasan raja yang berdaulat lagi bijaksana.

Sebanyak tiga segmen ditampilkan bagi Persembahan Khas kali ini iaitu Segmen Pertama: Menjunjung Keberangkatan Raja; Segmen Kedua: Martabatkan Warisan Kita; dan Segmen Ketiga: Raja Bijaksana Sumber Inspirasi Rakyat.

Segmen Pertama iaitu pembuka tirai ialah Persembahan Tarian Serumpun gabungan daripada etnik dan masyarakat Daerah Tutong sebagai simbolik menjunjung keberangkatan raja, dan menggambarkan keharmonian hidup serumpun di bawah pemerintahan raja yang berdaulat lagi bijaksana.

Diikuti dengan Persembahan Seni Silat melalui persembahan jurus-jurus seni silat yang memberi pengertian keamanan, keselamatan dan kestabilan dengan berlatar belakang muzik tradisional Gulintangan dan Sedaman.

Kemudian, Segmen Kedua iaitu Martabatkan Warisan Seni Bangsa ialah persembahan dalam bentuk tarian dan lagu secara *medley* daripada etnik dan masyarakat Daerah Tutong sebagai simbolik ke arah memartabatkan seni warisan bangsa agar terus hidup subur zaman-berzaman. Lirik-lirik lagu juga menceritakan tentang wawasan raja agar sentiasa menjaga warisan bangsa calak kebruneian di mana sahaja *kitani* berada.

Segmen Kedua diakhiri dengan Lagu Brunei 'Cabuk-Cabuk Bertali Rambai', yang mana persembahan ini adalah sebagai simbolik kepada keperibadian calak kebruneian yang sentiasa mengamalkan sikap sopan santun, berbudi bahasa, saling hormat-menghormati ke arah pembaharuan dan pembangunan di dalam semua sektor termasuk kesenian dan kebudayaan seiring dengan wawasan raja.

>> Muka 7







**PERSEMBAHAN Khas memeriahkan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong dengan bertemakan 'Raja Bijaksana Sumber Inspirasi Rakyat' (atas kiri, kiri, kanan, bawah kiri, bawah dan bawah kanan).**









**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama para peserta persembahan.**

>> Muka 6

Sementara itu, Segmen Ketiga iaitu Raja Bijaksana Sumber Inspirasi Rakyat ialah persembahan yang menampilkan kompilasi lagu-lagu tema bermula tahun 2022 hingga 2025. Lagu-lagu ini termasuk 'Raja Berdaulat Disyukuri Rakyat' (tahun 2022), 'Kekal Beraja, Kekal Bernegara' (tahun 2023), 'Raja Berdaulat Kesayangan Rakyat' (tahun 2024) dan 'Raja Bijaksana Sumber Inspirasi Ku' (tahun 2025).

Laungan 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' menutup tirai Persembahan Khas.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Ketua Pegawai Eksekutif Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong, Muhammad Amir bin Haji Umarali selaku Pengerusi Bersama Persembahan Khas, mengongsikan, jika pada tahun lalu konsep muzikal drama digunakan, tahun ini konsep yang diketengahkan adalah gabungan seni warisan bangsa sebagai teras utama.

Tambahnya, antara yang ditampilkan termasuklah kesenian gendang tradisional Gulintangan daripada tiga kumpulan iaitu Sang Jati Dusun, Sedaman Mukim Ukong dan Kumpulan Seni Kebudayaan Kampung Kiudang.

Persembahan jelasnya, turut diserikan dengan silat oleh belia dan generasi muda, menampilkan kesinambungan seni bela diri tradisional dalam kalangan anak bangsa, yang mana gabungan ini memberikan impak yang besar dalam mencapai matlamat untuk memartabatkan kesenian warisan bangsa agar tidak pupus ditelan zaman, sejajar dengan wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memperkukuhkan calak kebruneian di mana jua kita berada.

Selain itu, katanya, kompilasi lagu-lagu tema sejak tahun 2021 hingga 2025 turut menjadi kelainan yang melambangkan rasa syukur dan taat setia yang mendalam Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Menyentuh mengenai penyertaan peserta tahun ini jelasnya, seramai 530 orang telah terlibat dalam keseluruhan acara, dengan 379 orang peserta tampil membuat persembahan secara langsung di Pentas Persembahan Khas.

Mengenai latihan yang diadakan terangnya, latihan awal telah dijalankan sejak bulan Mei 2025 dengan penglibatan para jurulatih, manakala pada awal Jun pula latihan melibatkan penuntut-penuntut sekolah, dan latihan bersepadu bermula pada penghujung bulan September 2025.

Penganjuran latihan yang berterusan ini jelasnya, diharapkan dapat melahirkan persembahan yang lebih bertenaga, penuh semangat serta memberi keyakinan khususnya kepada para peserta yang terlibat.

"Di kesempatan ini, saya Muhammad Amir bin Haji Umarali, selaku Pengerusi Bersama Persembahan Khas, mewakili seluruh warga Persembahan Khas, dengan penuh hormat dan takzim merafak sembah Kehadapan Majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-79. Semoga baginda sentiasa dikurniakan kesihatan yang baik serta kekal karar memerintah negara dengan penuh keimanan dan ketakwaan," ujarnya lagi.







**PERSEMBAHAN Khas Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong yang dipersembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beserta kerabat diraja (atas, atas kiri dan atas sekali kiri).**





**ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan (kiri dan kiri sekali).**

Pelita Brunei

# PROCURE.BN : TRANSFORMASI DIGITAL, PERTUMBUHAN EKONOMI INKLUSIF

**Siaran Akhbar : procure.bn**
**Foto : Ihsan Media Permata**

>> Muka 1

Pelancaran berkenaan disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei.

Dibangunkan sebagai sebahagian daripada matlamat kemampanan ekonomi digital negara yang lebih luas, 'procure.bn' merupakan platform sehenti yang direka untuk memudahkan proses perolehan, mengembangkan pasaran untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan, dan menggalakkan peluang perniagaan yang adil dan terbuka merentas sektor awam dan swasta.

Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, yang juga selaku Ketua Pegawai Eksekutif Darussalam Assets Sdn. Bhd. dalam ucapan alu-aluannya berkata, kami meletakkan asas bagi cara berurus niaga yang lebih bijak dan inklusif, satu cara yang menggalakkan persaingan sihat, perkongsian pembekal yang lebih kukuh, dan pertumbuhan mampan merentas industri.

Ciri-ciri utama 'procure.bn' termasuk akses terbuka kepada senarai perolehan daripada semua syarikat; pemberitahuan atau notifikasi masa nyata mengenai peluang baharu dan tarikh tutup tawaran; kerangka kerja sedia kemampanan, menggalakkan amalan sedar alam sekitar dalam perolehan; semakan pematuhan automatik yang memastikan pematuhan kepada peraturan berkaitan, mengurangkan risiko undang-undang; dan proses saringan automatik yang membantu mengurangkan pemilihan berat sebelah dalam fasa penilaian, memastikan keadilan dan pemilihan berasaskan merit untuk semua vendor.

Selain itu, platform yang boleh diskalakan dan tangkas membolehkan syarikat mengekalkan strategi perolehan mereka secara kompetitif, membuka capaian global, kecekapan operasi dan kuasa pembelian yang signifikan; dan akses saksama untuk semua perniagaan, membantu mengurangkan monopoli industri dengan menyediakan peluang yang sama untuk bersaing.

Pelancaran berkenaan juga menandakan satu pencapaian penting dalam menyokong pertumbuhan dan visibiliti perniagaan NBD, terutamanya PMKS, membolehkan mereka bersaing dan bekerjasama dengan lebih berkesan dalam persekitaran keutamaan digital.

Dibina dengan mengambil kira pengalaman pengguna, impak perniagaan, 'procure.bn' dibangunkan dalam kerjasama rapat dengan *stakeholders* dan pakar industri untuk selari dengan wawasan jangka panjang NBD untuk ketahanan ekonomi dan inovasi.

Semasa pelancaran awal berkenaan, sebanyak 12 syarikat telah menyertai platform tersebut, iaitu Armada Properties Sdn. Bhd.; Bandtree Sdn. Bhd. (BPC); Berakas Power Company Sdn. Bhd.; Brunei Engineering, Logistics and Training Solutions Sdn. Bhd. (BELTS); Brunei International Air Cargo Centre Sdn. Bhd. (BIACC); Darussalam Assets Sdn. Bhd.; Ghanim International Corporation Sdn. Bhd.; Jerudong Park Medical Centre Sdn. Bhd.; JPH Sdn. Bhd. (The Empire Brunei); Progresif Sdn. Bhd. (Progresif); Royal Brunei Catering Sdn. Bhd. (Royal Brunei Culinary - RBC) dan Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN).

Lebih banyak syarikat akan diperkenalkan secara berperingkat. Perkembangan berperingkat berkenaan memastikan sokongan yang disesuaikan dan penerimaan yang lancar merentas industri.

Perniagaan tempatan dan antarabangsa kini dijemput untuk mendaftar sebagai pembekal dan meneroka platform *www.procure.bn*, dan menjadi sebahagian daripada ekosistem yang semakin berkembang, moden dan inklusif.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir pada majlis berkenaan yang diadakan di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei.



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) ketika menyampaikan ucapan alu-aluannya.

## HALUAN

>> Muka 2

Melalui penghayatan tema 'Negara Ditanai dengan Sedekah', kita menzahirkan aspirasi untuk :

• Menyemai budaya memberi yang ikhlas dan inklusif, merentasi perbezaan latar belakang, demi mengikis sifat mementingkan diri dan menumbuhkan rasa empati serta ukhuwah Islamiah;

• Memperkukuh jaringan kerjasama melalui pendekatan senegara yang meliputi kerajaan, sektor swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) supaya masyarakat berganding bahu membina sistem sokongan sosial yang mampan;

• Menjadikan sedekah sebagai pemangkin pembangunan rohani, sosial dan ekonomi, yang menyumbang kepada kestabilan negara, kesejahteraan rakyat dan keberkatan yang berpanjangan;

• Menyokong pencapaian Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan memiliki kualiti hidup yang unggul, berteraskan nilai-nilai Islam yang murni; dan

• Memastikan kelestarian amalan sedekah melalui pendidikan, inovasi dan penglibatan generasi muda, agar manfaatnya terus mengalir kepada masyarakat dan negara.

Sebelum berundur diri, sekali lagi *abis* Hamba Kebawah Duli Tuan Patik sekalian dan semua Ahli Jawatankuasa yang mengungkayahkan Majlis Ilmu tahun 2025, dengan penuh hormat dan takzim sekali lagi sukacita menyembahkan sembah setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik bercemar duli menyerikan dan memberikan lagi makna yang mendalam dan bernilai tinggi lagi perasmian Majlis Ilmu pada pagi ini.

Pada mengakhiri sembah alu-aluan ini, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik, dengan rendah diri seraya menyusun jari sepuluh menjunjung ampun beribu-ribu ampun dan kemaafan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik sekiranya terdapat sorok langkah yang kurang elok dan tertib serta sebarang kekurangan yang tidak disengajakan di dalam pengendalian majlis pada pagi ini.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung anugeraha.

# Memperkukuhkan ikatan ukhuwah dalam kalangan Muslimah

**TANJUNG BUNUT**, Sabtu, 4 Oktober. - Bagi memperingati serta menghayati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Ahli Jawatankuasa Muslimah Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut telah menganjurkan Majlis Tazkirah bersempena dengan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah isteri Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Hajah Binanun binti Haji Bungsu. Turut hadir, Pegawai Ugama Kanan selaku Ketua Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, disusuli dengan ucapan alu-aluan daripada Dayang Hajah Rusita binti Haji Yahya selaku Pengerusi Majlis.

Seterusnya, para hadirin bersama-sama membaca Ratib Al-Attas sebelum mendengar tazkirah yang bertajuk 'Hidup Dalam Sunnah, Mati Dalam Rahmah' yang disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Widad binti Haji Abdul Aziz.



ISTERI Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Hajah Binanun binti Haji Bungsu hadir selaku tetamu kehormat majlis.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

Majlis turut diserikan dengan persembahan khas Muslimah Ar-Rahman serta penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Adapun tujuan diadakan adalah untuk memperkukuhkan ikatan ukhuwah dalam kalangan Muslimah, di samping menjalin kerjasama serta merapatkan lagi tali silaturahim antara Muslimah dari masjid-masjid berdekatan.

Penganjurannya juga adalah sebahagian daripada usaha mengimarahkan rumah Allah melalui majlis ilmu dan dakwah, selaras dengan aspirasi Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah Negara Zikir.

Melalui penganjuran ini juga, adalah diharapkan agar ia dapat meningkatkan penghayatan serta kefahaman terhadap dakwah Islamiah melalui Majlis Ilmu, seterusnya menyumbang ke arah menyokong hasrat NBD untuk menjadi sebuah Negara Zikir.





SUASANA pada majlis tersebut (atas dan kiri).

# BERBAKTI, MENGHORMATI IBU BAPA SEBAGAI TANDA SYUKUR KEPADA ALLAH

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

>> Muka 1

Perkara berkenaan antara inti pati tazkirah yang disampaikan oleh Guru Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Dr. Zati Hanani binti Dato Seri Setia Haji Rajid, dari Ibu Pejabat Pertubuhan WARGAMAS, sempena Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-201 Khas Untuk Wanita Ke-29, sempena Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas 2025.

Turut hadir pada acara berkenaan, Ahli-ahli Biro Warganita Pertubuhan WARGAMAS yang bersiaran dari Ibu Pejabat Pertubuhan WARGAMAS, jemaah daripada beberapa masjid seluruh negara, warga kerja KHEU serta individu yang mengikuti program secara maya dari kediaman masing-masing.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Setiausaha Agong Pertubuhan WARGAMAS, Dayang Hajah Sinega binti Haji Swadi. Manakala bacaan Surah As-Sajdah beramai-ramai pula dipimpin oleh Dayang Hajah Ajijah binti Haji Mohd. Salleh bersama Ahli-ahli Biro Warganita Pertubuhan WARGAMAS.

Sementara Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Pendidikan Ugama dan Guru Besar Sekolah Ugama Pulaie, Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Dayang Rosmawati binti Raya.

Selepas itu, majlis diteruskan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai dipimpin oleh Ahli-ahli Biro Warganita Pertubuhan WARGAMAS. Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Pegawai Ugama, Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA), Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Dayang Nor'Ain binti Abdul Rahim.

Malam Munajat berkenaan bertujuan mengajak masyarakat mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada bala bencana dan penyakit.

Orang ramai dialu-alukan untuk menyertai acara Malam Munajat yang diadakan setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan *http://tiny.cc/munajatkheuwanita*.



**ISTERI Menteri Hal Ehwal Ugama hadir menyerikan Malam Munajat Kali Ke-201 Khas Untuk Wanita Ke-29, sempena Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas 2025.**

# Semai kesedaran, membina empati, menggerakkan masyarakat menyertai kerja amal

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Muhammad Asri Haji Abas**

**RIMBA**, Ahad, 5 Oktober. – Program Amal Tabung Kemanusiaan Palestin 'Peduli Ummah : Brunei 4 Gaza' telah berjaya menghimpunkan masyarakat Negara Brunei Darussalam dalam satu acara solidariti kemanusiaan yang penuh makna berlangsung di Rimba Point, Kampung Rimba pagi tadi.

Penganjuran program oleh Kumpulan Ahli Jawatankuasa (AJK) Tertinggi Belia Masjid Senegara dengan kerjasama badan-badan dan persatuan belia dengan sokongan Bahagian Belia, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bukan sahaja bertujuan untuk mengumpul dana bagi Tabung Kemanusiaan Palestin, akan tetapi sebagai platform untuk menyemai kesedaran, membina empati dan menggerakkan masyarakat bagi menyertai kerja amal.

Justeru itu, perasmian acara kemuncak tersebut disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin sekali gus menyerikan lagi usaha kolektif yang dijalankan oleh kumpulan belia di bawah KHEU bersama Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) dan masyarakat awam dalam menyokong perjuangan rakyat Palestin.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Isteri; Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri dan pengarah-pengarah, pegawai - pegawai kanan dan kakitangan KHEU serta para penaja bagi majlis amal berkenaan.

Program amal berkenaan menerima sambutan yang amat menggalakkan, termasuk penyertaan seramai 290 orang dalam Larian Virtual 30 Kilometer (km) : Brunei Bersamamu, Gaza! sebagai simbol langkah solidariti, serta 23 penyertaan bagi Pertandingan Mencipta Video Da'wah 4.0 bertemakan 'Peduli Ummah : Brunei 4 Gaza', yang menonjolkan kreativiti belia dalam menyampaikan mesej dakwah melalui medium digital.

Selain itu, pelbagai aktiviti sampingan turut diadakan, termasuk pameran, jualan amal, forum perkongsian ilmu, aktiviti kanak-kanak 'Brunei Kidz 4 Gaza 2.0', serta persembahan khas yang memeriahkan acara.

Sementara itu, sesi perkongsian ilmiah bertajuk 'Palestin : Dari Sejarah ke Realiti Kini, Apa Peranan Kita?' disampaikan oleh Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid. Beliau menekankan kepentingan memahami sejarah panjang Palestin sebagai tanah suci Islam serta menyeru umat Islam agar terus memberikan sokongan melalui doa, kesedaran dan sumbangan.

Manakala 'Talkshow : Gaza di Hati Kitani', menampilkan Pensyarah Fakulti Undang-undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Kamaru Salam bin Yusof dan Dr. Widad binti Dato' Dr. Haji Abdul Aziz, yang membincangkan peranan masyarakat NBD dalam menzahirkan empati dan solidariti terhadap rakyat Gaza.

Kedua-dua panel menegaskan bahawa isu Palestin merupakan isu kemanusiaan dan akidah yang perlu sentiasa dihayati melalui amal kebajikan, media sosial, dan pendidikan generasi muda.

Sementara itu, 'Forum Perdana: Sebarkan Cinta, Satukan Doa' pula menampilkan Dr. Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos serta Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin, yang menekankan kepentingan doa yang ikhlas, penyatuan hati umat Islam, serta usaha bersama dalam menyemai kasih sayang dan solidariti demi Palestin.

Program berkenaan juga turut mendapat sokongan dan tajaan daripada pelbagai pihak termasuk Rimba Point, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Nuqra Quranic Learning Centre, FS Create Company, Wedding Loka Brunei, WISA Enterprise, Persatuan Afiah, Kristal FM dan Kristal Media selaku Rakan Media Rasmi, Samima Books and Stationery, Beverages by Wafi, Restoran Early Birds, PDO Chartered Architects, Badan Bistari, Brunei Run serta Project Printhub, Syarikat Al Tahirah Books and Stationaries Sdn. Bhd., Sengkurong; Pustaka Remaja Sdn. Bhd. dan Serusop Best Eastern Bookstore, Times Square.

Pihak penganjur merakamkan setinggi - tinggi penghargaan kepada semua penaja, sukarelawan, dan peserta yang telah bersama-sama menjayakan program berkenaan.

Program Peduli Ummah : Brunei 4 Gaza membuktikan bahawa masyarakat NBD, khususnya generasi muda, sentiasa cakna dan bersatu hati dalam menzahirkan sokongan serta solidariti terhadap perjuangan rakyat Palestin.




**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir menyempurnakan perasmian acara kemuncak Program Amal Tabung Kemanusiaan Palestin 'Peduli Ummah : Brunei 4 Gaza.**



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1.'**Teknologi dan Masa Depan Pendidikan Anak Bangsa'. Tarikh Tutup : 8 Oktober 2025**
2.'**Membina Masyarakat Penyayang di Era Globalisasi'. Tarikh Tutup : 15 Oktober 2025**
3.'**Peranan Sedekah Dalam Pembentukan Sahsiah Murni'.** Tarikh Tutup : **22 Oktober 2025**

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan.**
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PELITA BRUNEI

# MELAHIRKAN QARI, QARIAH BERBAKAT



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang (kiri dan bawah).

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan**

**BERAKAS GARISON**, Sabtu, 4 Oktober. - Majlis Penyampaian Hadiah bagi Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-64 telah berlangsung baru-baru ini di Dewan Pahlawan, Berakas Garison, baru-baru ini.

Majlis berkenaan merupakan susulan daripada Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Akhir yang telah diadakan pada 2 September 2025 yang lalu, melibatkan penyertaan seramai 13 peserta daripada wakil unit-unit ABDB.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB, pengarah-pengarah, komandan-komandan, pegawai - pegawai kanan, pegawai-pegawai dan warga Kementerian Pertahanan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan kata-kata aluan daripada Pengerusi Majlis.

Majlis diserikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada qariah Jemputan, Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri, iaitu johan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Acara kemudian diteruskan dengan pengumuman pemenang, rumusan daripada Ketua Jemaah Hakim serta penyampaian hadiah oleh tetamu kehormat majlis.

Bagi Kategori Qari, johan disandang oleh Soldadu (U) Masrur Fu'ad bin Haji Asmat dari Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), sementara naib johan dimenangi oleh Lans Koperal Mohammad Zainol Arifin bin Haji Haminuddin dari Kementerian Pertahanan, manakala tempat ketiga diraih oleh Laskar Muda Mohd. Asyri bin Abd. Ghapar dari Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).

Sementara itu, bagi Kategori Qariah pula, johan disandang oleh Mejar Nurulaini binti Haji Mohd. Zain dari Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), sementara naib johan dimenangi oleh Sarjan Masrani binti Jefri dari Institut Latihan, ABDB, manakala tempat ketiga disandang oleh Lans Koperal (U) Siti Nurhafizah binti Awang Sulaiman dari TUDB.

Majlis diakhiri dengan Doa Penutup yang dibacakan oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.

Majlis Musabaqah Tilawah Al-Quran pada tahun ini membawa tema 'Setia di Bawah Panji Al-Quran', yang menekankan Al-Quran sebagai panduan hidup. Melalui pertandingan berkenaan, ABDB berhasrat untuk melahirkan lebih ramai qari dan qariah berbakat yang berpotensi diketengahkan ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



# Majlis Memulakan Bacaan Al-Quran 75 Kali Khatam dilancarkan



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Diraja hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 4 Oktober. - Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS) dengan kerjasama alumni Maktab SOAS mengadakan Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Al-Quran 75 Kali Khatam, baru-baru ini.

Majlis yang diadakan di surau maktab berkenaan merupakan inisiatif Program 'Countdown' Setahun Menuju Jubli Intan Maktab SOAS yang akan diraikan pada tahun hadapan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Diraja, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib, dan seterusnya ucapan Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Al-Quran 75 Kali Khatam serta bacaan Surah Al-Fatihah oleh tetamu kehormat majlis.

Acara disusuli dengan bacaan Surah Al-Baqarah dari ayat 1 hingga ayat 16 secara beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Maktab SOAS ditubuhkan pada 15 Oktober 1951, menjadikannya antara institusi pendidikan menengah tertua di negara ini.

# Majlis Khatam Al-Quran raikan bakal graduan KUPU SB





SEKITAR Majlis Khatam Al-Quran sempena Majlis Konvokesyen Ke-15 yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan (atas dan kiri).

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 4 Oktober. - Seramai 225 orang bakal graduan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) pagi tadi diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Majlis Konvokesyen Ke-15 yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir ialah Ahli Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, selaku Ahli Majlis KUPU SB dan isteri.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diketuai oleh Awang Haji Mohd. Serudin, diikuti dengan bacaan Surah Ad-Duha hingga Surah Al-Masad oleh bakal graduan KUPU SB yang dipimpin oleh Awang Mohammad Syafiq bin Mohammad Suhardie, bakal graduan Sarjana Muda Perguruan Ugama Pendidikan Islam dengan Minor Seni al-Quran.

Acara diserikan lagi dengan bacaan Takhtim dan disudahi dengan bacaan Doa Khatam oleh Awang Muhammad Hasbul Wafi @ Husairee bin Sisah, bakal graduan Sarjana Muda Perguruan Ugama Pendidikan Islam dengan Minor Seni al-Quran.

Manakala Doa Selamat pula sekali lagi dibacakan oleh Awang Mohammad Syafiq.

Juga hadir ialah Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; pegawai-pegawai eksekutif, pegawai - pegawai utama, pensyarah, pegawai dan kakitangan KUPU SB serta para ibu bapa bakal graduan yang diraikan.

Majlis antara lain bertujuan untuk menyemarakkan acara - acara bersempena Majlis Konvokesyen Ke-15 KUPU SB, di samping menzahirkan rasa syukur atas kejayaan bakal-bakal graduan menamatkan pengajian di KUPU SB.

Majlis Konvokesyen Ke-15, KUPU SB akan berlangsung pada 16 Oktober 2025 bertempat di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam.

## سوارا سوچي

# تغكوغجواب مملیهارا کبرسیهن دان هرتا بندا عوام

جماعه يغ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دغن منيغكتكن كإيمانن كقدن. سسغڬوهن اورغ يغ ڤاليغ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ ايت اياله اورغ يغ ڤاليغ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يغ سنتياس مغاڤيغتي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ، براوله كحيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة إبراهيم أية ٧:

**تفسيرن:**

**دان (إيغتله) كتيك توهن كامو مبريتاهو (دغن سجلس-جلسن): "دمي سسوغڬوهن جك كامو برشكور (ترهادڤ سڬل نعمتكو) تنتو اكو اكن منمبه نعمت ايت كڤد كامو دان دمي سسوغڬوهن جك كامو كوفور (ترهادڤ نعمت ايت) مك سسوغڬوهن عذابكو ساغت كراس".**

جماعه يغ درحمتي الله،

الحمدلله، كيت برشكور كحضرة الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ كران تله مڠورنياكن كيت سبواه نڬارا يغ أمان داماي، معمور، تنغ دان إينده، يإيت نڬارا بروني دارالسلام. بندر سري بڬاوان اداله نام إيبو نڬارا كيت يغ ساغت برمعنى دالم ريستأن سجاره.

ڤد تاهون اين، كيت ممڤريغتي هاري أولغ تاهون ڤنوكرن نام بندر بروني كڤد بندر سري بڬاوان كالي يغ ك-٥٥. ڤريستيوا ڤنوكرن نام بندر بروني منجادي بندر سري بڬاوان برلاكو ڤد ٤ أوكتوبر ١٩٧٠، سچارا راسمين، نام بندر بروني تله دتوكر منجادي بندر سري بڬاوان، سمڤنا مڠحرمتي جاس دان كڤيمڤينن المرحوم سلطان حاج عمر علي سيف الدين سعد الخير والدين، أيهندا كڤد كباوه دولي يغ مها مليا ڤادوك سري بڬندا سلطان حاج حسن البلقية معزالدين والدولة، سلطان دان يغ دڤرتوان نڬارا بروني دارالسلام. المرحوم سلطان حاج عمر علي سيف الدين سعد الخير والدين دكنلي سباڬاي **"أركيتيك بروني مودن"**، يغ تله برجاس بسر ممباوا نڬارا بروني دارالسلام كأره كماجوان، كمرديكأن دان ڤنڬوهن نيلاي-نيلاي إسلام.

سسوغڬوهڽ ڤنوكرن نام اين بوكن سقدر سيمبوليق، اكن تتاڤي منچرمينكن:

**ڤرتام:** ڤڠحرمتن ترهادڤ ڤميمڤين يغ برويباوا دان أمانه.

**كدوا:** تيكد اونتوق منجاديكن بندر اين سلامت، برسيه، جنتيق، سجهترا دان هرموني.

**كتيك:** أوسها ممڤركوكوه أيدينتيتي نڬارا ذِكر يغ برسيه سچارا فيزيكل دان روحانيه.

اوليه ايت، تڠڬوڠجواب كيت هاري اين سباڬاي رعيت دان ڤندودوق نڬارا بروني دارالسلام بوكن سقدر تيڠڬل ددالمڽ، تتاڤي جوڬ مملیهارا كبرسيهن دان مڠحرمتي كموداهن سرتا هرتا بندا عوام يغ ترداڤت ددالمڽ.

جماعه يغ درحمتي الله،

أڬام إسلام اداله أڬام يغ سمڤورنا دالم سموا أسڤيك كهيدوڤن ترماسوقله جوك دالم سوأل كبرسيهن. كبرسيهن منوروت إسلام بوكن سقدر منجادي بوديا دالم كهيدوڤن دان كماجوان بهكن جوك ملامبڠكن كإيمانن دان كسمڤورنأن دالم ملقسناكن عباده كڤد الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ. سسوغڬوهڽ الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ أمت سوك اورغ يغ سنتياس دالم كادأن برسيه، سباڬيمان فرمانڽ دالم سورة البقرة أية ٢٢٢:

**تفسيرن:**

**سسوغڬوهڽ الله مڠاسيهي اورغ-اورغ يغ باڽق برتوبة دان مڠاسيهي اورغ يغ سنتياس منسوچيكن ديري.**

تيادله معنى كيت منامكن إيبو نڬارا كيت دغن نام يغ مليا، جك كيت تيدق منجاڬ كبرسيهنڽ. تيدق اد أرتي كماجوان بندر جك لوڠكڠ ترسومبت، سمڤه برتابورن دان تاندس عوام كوتور سرتا روسق.

سسوغڬوهڽ كبرسيهن تيدق هاڽ دڤندڠ سباڬاي ڤريلاكو، بهكن سباڬاي چرمينن كإيمانن. اورغ يغ برإيمان سهاروسڽ مميليكي كسدرن اونتوق منجاڬ كبرسيهن دالم سڬل أسڤيك كهيدوڤنڽ. اوليه ايت، منجاڬ كبرسيهن اداله تڠڬوڠجواب ستياڤ إنديۏيدو. درڤد أبو مالك الأَشْعَرِي رَضِيَ اللهُ عَنْهُ بركات، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: **اَلطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيْمَانِ.**

**مقصودڽ: كبرسيهن ايت سبهاڬين درڤد إيمان. {حديث رواية إمام مسلم}**

سسوغڬوهڽ أڬام إسلام منكنكن تڠڬوڠجواب إنديۏيدو دان مشاركت دالم منجاڬ كبرسيهن. ستياڤ إنديۏيدو هاروس ممستيكن كبرسيهن ڤرسكيترن مريك، دان مشاركت ڤولا هاروس برساتو ڤادو دان بكرجاسام اونتوق منجاڬ كبرسيهن.

كبرسيهن بوكن هاڽ تڠڬوڠجواب ڤيهق كراجأن سهاج، تتاڤي تڠڬوڠجواب ستياڤ إنديۏيدو سام اد ڤندودوق ماهوڤون ڤلنچوڠ. لبيه-لبيه لاڬي ڤارا ڤنياڬ دان ڤڠونجوڠ، سيكڤ ممبواڠ سمڤه مرات-رات، تيدق منجاڬ كبرسيهن تندس، مروسقكن تامن اتاو ڤاڤن تندا اداله انتارا ڤربواتن يغ منچرمينكن كورڠڽ أخلاق دان كسدرن سيۏيك.

جماعه يغ درحمتي الله،

سسوغڬوهڽ مڠحرمتي دان منجاڬ هرتا بندا عوام اداله أمانه. هرتا بندا عوام سڤرتي تامن ڤرماينن، تمڤت لتق كريتا، تاندس عوام، ڤاڤن تندا، باڠونن كراجأن، ڤرهنتين بس، توڠ سمڤه، دان لاين-لاين كموداهن يغ دسدياكن اوليه ڤيهق كراجأن اداله أمانه اونتوق كڬونأن برسام.

سلاين ايت، مروسقكن هرتا بندا عوام اتاو مڠڬوناكنڽ تنڤا كبنرن، منچوري بارڠ كموداهن كراجأن، مموڠوت دان منچونتيڠ اداله ڤڠخياننن ترهادڤ أمانه مشاركت دان نڬارا.

أخيرن، ماريله كيت بوقتيكن كچينتأن كيت كڤد نڬارا اين بوكن سقدر دغن كات-كات، اكن تتاڤي ملالوءي تيندقن يإيت دغن منجاڬ كبرسيهن، مملیهارا كموداهن عوام، دان منجادي رعيت يغ برديسيڤلين سرتا برتڠڬوڠجواب. سموڬ دغن دمكين، كيت داڤت منعمتي كهيدوڤن دغن لبيه سليسا دان بهاڬيا، آمين يا رَبَّ العالمين.

**تفسيرن:**

**سسوغڬوهڽ برجايله اورغ يغ منسوچيكن جيواڽ. دان سسوغڬوهڽ روڬيله اورغ يغ مڠوتورين. { سورة الشمس أية ٩-١٠ }**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

# PEMENANG HADIAH TERJEMAHAN MASTERA PERINGKAT NEGARA DIRAIKAN





**PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) semasa hadir pada Majlis Penghargaan dan Penyampaian Hadiah Terjemahan Mastera dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para penerima (kiri dan kanan).**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BERAKAS**, Sabtu, 4 Oktober. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selaku sekretariat Mastera Brunei Darussalam telah mengadakan Majlis Penghargaan dan Penyampaian Hadiah Terjemahan Mastera khusus bagi para pemenang dan panel penilai Peraduan Hadiah Terjemahan Mastera Peringkat Negara.

Peraduan penterjemahan ini merupakan usaha untuk mengetengahkan dan mengiktiraf karya-karya terjemahan serta menggalakkan kegiatan terjemahan Sastera Melayu ke bahasa Inggeris.

Majlis diadakan bertujuan untuk memberikan pengiktirafan bertaraf rantau kepada karya-karya terjemahan yang bermutu juga pengiktirafan peringkat kebangsaan.

Di samping itu juga, ia adalah untuk memberikan peluang bersama kepada para sasterawan memajukan bakat, penterjemahan, pengadaptasian, penerbitan dan pengiktirafan terhadap pencapaian mutu ciptaan sastera, selain mengenal pasti dan membangunkan bakat dalam bidang penterjemahan karya-karya Sastera Asia Tenggara (yang berbahasa Melayu).

Hadir pada majlis yang diadakan di Balai Sarmayuda DBP tersebut ialah Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab selaku Pengerusi Mastera Brunei Darussalam yang seterusnya menyampaikan penghargaan.

Dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Sastera dan Majalah, Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin juga selaku Setiausaha Mastera, mengongsikan bahawa seramai 21 penyertaan diterima daripada Mastera Brunei Darussalam dan kesemua peserta memiliki gaya dan daya tersendiri dalam penterjemahan cerpen.

Usaha menterjemah ini tambahnya merupakan kreativiti mengapresiasi karya penulis-penulis tanah air DBP selaku Sekretariat Mastera Brunei Darussalam terus berperanan dalam memastikan projek-projek Mastera terus diungkayahkan bagi mengusahakan peluang-peluang projek atau kegiatan yang berbentuk ilmu khusus kepada para penulis dan sasterawan dalam penulisan, kritikan dan penterjemahan sastera.

Beliau melahirkan harapan agar para penterjemah dapat meneruskan kemahiran dalam bidang penterjemahan dan berani menterjemahkan karya-karya sastera terutama hasil karya sasterawan tempatan pada masa depan.

Seramai tiga pemenang peraduan Hadiah Terjemahan Mastera Peringkat Negara diraikan pada majlis tersebut iaitu Dayang Syakirah binti Matusin, johan peraduan, sementara naib johan disandang oleh Dayang Mirany Floridzah binti Abdul Rahman dan tempat ketiga ialah Dayang Nurezzah Haziqah binti Zambahri.

Pada tahun ini, genre cerpen menjadi genre pilihan terjemahan dan setiap negara memilih cerpen-cerpen sasterawan / penulis tempatan untuk diterjemahkan.

Hadiah Terjemahan Mastera 2025 merupakan pengiktirafan dan hadiah peringkat rantau yang diberikan oleh Mastera Singapura buat kali kedua. Ia merupakan sebuah program pengiktirafan Mastera anjuran Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) selaku Sekretariat Mastera Singapura dengan kerjasama Negara Anggota Mastera, iaitu Negara Brunei Darussalam (NBD), Republik Indonesia dan Malaysia.

Pada 10 September 2025, seorang peserta dari NBD telah diangkat dan diiktiraf sebagai penerima Hadiah Terjemahan 2025 di Singapura iaitu Penolong Penyunting Tingkat II, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Dayang Syakirah binti Matusin. Beliau menerima hadiah wang tunai bernilai SGD3,000 dan sijil penghargaan dari Mastera Singapura.

Dayang Syakirah ketika ditemui melahirkan kegembiraan dan rasa syukur beliau atas penghargaan ini dan menyarankan agar lebih ramai individu tampil menyertai acara seumpamanya.

# Terapkan nilai keibubapaan Islam dalam mendidik anak






**DUA sesi ceramah pada sebelah pagi dan petang yang diadakan di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas dan kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 4 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PKPSH), baru-baru ini mengadakan Program Keibubapaan : 'Gajet di Tangan, Nilai di Hati : Peranan Ibu Bapa Era Digital'.

Program ini merupakan satu inisiatif UNISSA bagi menjayakan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2025 yang membawa tema 'Keluargaku Harapanku' dengan fokus sambutan ialah 'Menerapkan Nilai-Nilai Teras Kekeluargaan Brunei: Sayang-Menyayangi; Tanggungjawab; Hormat Menghormati; Pemedulian'.

Program diadakan di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan pengisian dua sesi ceramah pada sebelah pagi yang disampaikan oleh Profesor Jabatan Siasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Profesor Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail, juga merupakan Profesor Pelawat, Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, UNISSA.

Ceramah sesi pertama membawakan tajuk 'Nilai-nilai Keibubapaan Islam dalam Mendidik Anak di Era Digital' manakala ceramah sesi kedua bertajuk 'Keseimbangan Antara Keluarga, Kerjaya dan Ibadah Menurut Perspektif Islam'.

Pada sebelah petang, program diisikan dengan pembentangan Forum Keibubapaan bertajuk 'Gajet dan Nilai - Realiti dan Solusi' yang disampaikan oleh tiga ahli panel iaitu Penolong Profesor, Fakulti Usuluddin, UNISSA, Dr. Haji Ahmad Baha bin Mokhtar; Pegawai Pembangunan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Irnawati binti Haji Mahir dan Pemangku Ketua Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Pasukan Polis Diraja Brunei, DSP Hajah Nur Amni Alyani binti Haji Abdul Rahman, manakala moderator forum ialah Penolong Profesor Pusat Penataran ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman.

Program sehari penuh itu dihadiri oleh para pegawai dan kakitangan sokongan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Pengajian Islam, UNISSA dan juga peserta persendirian.

Antara objektif program ini diadakan ialah untuk menyemai nilai keibubapaan Islam dalam mendidik anak-anak pada era digital dan memberikan pendedahan kepada ibu bapa tentang kesan penggunaan gajet terhadap perkembangan emosi, sosial dan rohani anak-anak.

Di samping itu juga, menyediakan ruang dialog dan perkongsian pengalaman antara ibu bapa dan pakar dalam bidang psikologi, pendidikan agama dan digital.

# SYUKUR, TERUJA TEMUI RAJA DIKASIHI



**DAYANG Siti Nurmunirah Aisyah binti Mustafa dan Dayang Effayane binti Haji Salam (kiri sekali dan kiri). Sementara gambar kanan dan bawah kanan, Aboobacker Sithick dan Dayang Hajah Mas Tuyah binti Abdul Ghani semasa ditemu bual.**

**Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**

**TUTONG**, Sabtu, 4 Oktober. - Penantian bagi rakyat dan penduduk di Daerah Tutong bagi bertemu dengan raja dan pemimpin yang dikasihi hari ini terealisasi semasa Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 yang mengambil tempat di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, pagi tadi.

Perasaan yang gembira bercampur teruja jelas terukir di wajah para penduduk serta rakyat yang tinggal dan menetap di Daerah Tutong yang hadir ke majlis tersebut seawal pukul 7.00 pagi lagi.

Salah seorang warga emas yang turut serta bagi menghadiri Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Tutong ialah Dayang Hajah Mas Tuyah binti Abdul Ghani, 73 tahun yang hadir bersama lebih 60 orang warga emas dari Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Tutong.

Ketika ditemui oleh Pelita Brunei, Dayang Hajah Mas Tuyah menjelaskan bahawa acara seumpama ini merupakan satu platform khususnya bagi rakyat serta penduduk yang tinggal di Daerah Tutong menzahirkan rasa kasih kepada raja dan seterusnya melahirkan rasa syukur atas kepimpinan yang penuh bijaksana dan berwibawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, pesara guru itu turut menambah bahawa dalam acara seumpama ini jelas tergambar semangat yang tidak berbelah bahagi yang diberikan oleh para peserta persembahan, para jemputan yang hadir serta orang ramai yang teruja untuk berjumpa secara langsung dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja yang lain.

Sementara itu, Penolong Pesuruhjaya Bahagian Latihan Persatuan Pengakap Daerah Tutong, Dayang Effayane binti Haji Salam semasa ditemui pada majlis tersebut mengongsikan bahawa seperti lazimnya pada setiap tahun, Persatuan Pengakap Daerah Tutong tidak melepaskan peluang untuk terlibat dan menghadiri acara yang dinanti-nantikan ini.

"Pada kali ini seramai lebih kurang 150 Ahli Persatuan Pengakap Daerah Tutong termasuklah Ahli Pengakap Tunas serta Ahli Pengakap Remaja dan Muda. Selain itu, ada juga di antara ahli yang menyertai dan terlibat dengan acara pentas pada kali ini di samping ada juga yang mengikuti pasukan sekolah masing-masing.

"Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana pada tahun ini kami diberikan peluang sekali lagi menghadiri Majlis Ramah Mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi mewakili Persatuan Pengakap Daerah Tutong. Kami mendoakan semoga Kebawah DYMM kekal karar memerintah negara, sihat walafiat, sentiasa dalam berkah dan kasih sayang serta lindungan Allah Subhanahu Wata'ala sepanjang masa," tambah Dayang Effayane lagi.

Hari ini juga merupakan hari yang akan menjadi kenangan manis yang tidak mudah untuk dilupakan buat salah seorang pelajar Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Tutong, Dayang Siti Nurmunirah Aisyah binti Mustafa, 14 tahun, yang buat julung kalinya berpeluang mengambil bahagian sebagai pemain hadrah pada majlis berkenaan.

"Ia merupakan kali pertama saya terlibat dalam majlis ini dan pada masa yang sama ini juga merupakan kali pertama saya berkecimpung dalam bidang hadrah. Persiapan yang rapi telah kami lakukan khususnya sejak dua minggu yang terakhir di mana kami berlatih pada setiap hari dari pukul 8.30 pagi hingga 11.40 pagi bagi memastikan kelancaran persembahan.

"Seramai 20 pelajar dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Tutong terlibat dalam bahagian hadrah yang terdiri daripada pelajar Tahun 9 dan Tahun 10. Sudah semestinya ia merupakan pengalaman yang penuh berharga bagi kami kerana berpeluang melibatkan diri pada acara kali ini.



"Saya juga berasa begitu bangga kerana diberikan peluang membuat persembahan kepada Kebawah DYMM," tambah pelajar Tahun 9 Science 2 itu lagi.

Selain itu, warga asing yang tinggal di Daerah Tutong juga tidak melepaskan peluang pada hari ini untuk sama-sama memeriahkan lagi acara dan berjumpa secara langsung dengan Kebawah DYMM.



Salah seorang warga asing dari Republik India, Aboobacker Sithick, 50 tahun, ketika ditemui pihak Pelita Brunei mengongsikan beliau menggunakan peluang ini untuk membawa ahli keluarganya untuk menyaksikan dengan lebih dekat akan acara keraian ini dan seterusnya bertemu langsung dengan Kebawah DYMM serta kerabat diraja yang lain.

"Ia bukanlah kali pertama bagi saya menghadiri acara seumpama ini bersama ahli keluarga saya sejak saya berada di negara ini pada tahun 1996 lagi.

"Walau bagaimanapun acara pada tahun ini kelihatan lebih tersusun rapi dengan disediakan kemudahan yang cukup baik seperti khemah yang kukuh bagi menambah keselesaan kepada para pengunjung yang hadir pada hari ini," tambah Aboobacker Sithick lagi.

# Bersama menangani isu konflik manusia, buaya di perairan negara

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 4 Oktober. - Konflik antara manusia dan hidupan liar khususnya buaya, merupakan isu yang semakin membimbangkan dan memerlukan perhatian serta tindakan yang bersifat menyeluruh dan bersepadu.

"Kami amat memahami keresahan dan kebimbangan yang dialami oleh penduduk, khususnya mereka yang tinggal berhampiran kawasan habitat semula jadi haiwan liar tersebut.

"Dalam konteks ini, saya ingin menyeru agar kita semua melihat isu ini sebagai peluang untuk memperkukuh jalinan silaturahim dan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat".

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Pengarah Perhutanan, Awang Reni bin Haji Yahya pada Majlis Taklimat dan Muzakarah Menangani Isu Konflik Manusia dan Buaya di Perairan Negara Brunei Darussalam (NBD) bertempat di Balai Ibadat Mukim Saba, hari ini.

Awang Reni yakin dengan adanya kerjasama erat antara pihak kerajaan dan penduduk kampung, suasana yang lebih selamat, harmoni dan lestari dapat diwujudkan di Kampong Ayer.

Bagi pihak Jabatan Perhutanan dan agensi-agensi berkaitan, beliau juga merakamkan ucapan takziah dan simpati yang mendalam kepada Awang Rudy Othman atas insiden serangan buaya yang berlaku baru-baru ini serta mendoakan agar Awang Rudy Othman dikurniakan kesembuhan yang sempurna serta kekuatan rohani dan jasmani untuk meneruskan kehidupan dengan penuh ketabahan.

Selain itu, beliau menegaskan bahawa segala langkah pengurusan konflik akan dilaksanakan dengan mengambil kira keselamatan manusia sebagai keutamaan utama, di samping memastikan kemampanan ekosistem yang semakin terancam dapat dipelihara dengan sebaiknya.

Tambahnya, beliau berharap agar muzakarah ini dapat berlangsung dalam suasana yang terbuka, saling menghormati dan penuh semangat kekitaan. Pandangan dan suara tuan-tuan dan puan-puan amatlah penting dalam membantu pihak kerajaan merangka dasar dan tindakan yang lebih berkesan serta berimpak tinggi.

"Marilah *kitani* berganding bahu dan bersatu hati dalam memastikan keselamatan penduduk kampung *kitani* sentiasa terpelihara dan warisan alam sekitar kita terus dijaga demi generasi akan datang," ujarnya.

Adapun sesi taklimat dan muzakarah dikendalikan secara kolaborasi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Bahagian Hidupan Liar di Jabatan Perhutanan dengan Majlis Perundingan Kampong Ayer Zon 2 bagi menangani isu konflik manusia dan buaya di perairan NBD.

Inisiatif ini merupakan usaha berterusan Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai langkah-langkah yang perlu diamalkan dalam mengurangkan risiko konflik, di samping pemasangan papan tanda amaran buaya di kawasan yang dikenal pasti sering menjadi lokasi keberadaan reptilia tersebut sebagai langkah berjaga-jaga.

Langkah berjaga-jaga yang ditekankan ialah mengelakkan aktiviti di sungai pada waktu malam atau ketika hujan, iaitu ketika buaya lebih aktif mencari makanan, berwaspada di kawasan jeti atau lokasi naik turun penumpang perahu.

Selain itu, langkah yang ditekankan bagi menjaga kebersihan sungai dan tidak membuang sampah ke dalam air bagi mengelakkan kehadiran haiwan perosak yang menjadi mangsa buruan buaya dan juga peka terhadap papan tanda amaran keberadaan buaya yang telah dipasang oleh Jabatan Perhutanan.

Turut hadir, Penghulu Mukim Kampong Ayer Zon 1, Awang Azli bin Salim; Pemangku Ketua Kampong Ayer Zon 2, Awang Haji Mayalin bin Haji Saat serta para pegawai serta kakitangan Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan dan juga Ahli Majlis Perundingan Kampong Ayer Zon 2 dan penduduk setempat.



**MAJLIS Taklimat dan Muzakarah Menangani Isu Konflik Manusia dan Buaya di Perairan Negara Brunei Darussalam (NBD) diadakan di Balai Ibadat Mukim Saba.**

Jabatan Perhutanan juga menyeru penduduk kampung setempat agar dapat memberikan komitmen dan bekerjasama dalam mengurangkan tekanan konflik manusia dan buaya ini dengan cara menyalurkan maklumat yang betul dan sahih tentang kehadiran buaya di persekitaran.

Di samping itu, menyalurkan maklumat berkenaan kepada agensi - agensi Pasukan Bertindak bagi mempermudahkan penyelarasan pelaksanaan program yang dirancang.

Jabatan Perhutanan, melalui Pasukan Bertindak yang terdiri dari Jabatan Perhutanan, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) serta Pasukan Polis Diraja Brunei, menyeru orang awam agar sentiasa berwaspada serta mengutamakan keselamatan ketika melakukan aktiviti di kawasan sungai.

Di kesempatan ini, Jabatan Perhutanan menyarankan bagi sebarang insiden kecemasan sila hubungi Talian Kecemasan JBP di 995 dengan memberikan maklumat yang tepat.

Bagi sebarang laporan kelihatan atau keberadaan buaya memasuki kawasan persekitaran penduduk, kolam dan sebagainya, sila hubungi talian +673 2381013 sambungan 2100 pada waktu pejabat bagi permohonan bantuan pemasangan jail penangkapan buaya (tertakluk kesesuaian) atau khidmat nasihat bersesuaian atau melalui e-mel *info-wildlife@forestry.gov.bn* atau di akaun Instagram *Forestry.brunei*.

## JABATAN BELIA DAN SUKAN
## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**1. Bilangan Tawaran:**
(75) JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
Pakaian Uniform (Blazer) Bagi Keperluan 33rd Sea Games, Thailand Yang Akan Diadakan Pada 9 Hingga 20 Disember 2025

**2. Bilangan Tawaran:**
(76) JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
Tracksuit, Collar Shirt & Roundcheck Shirt Bagi Keperluan 33rd Sea Games, Thailand Yang Akan Diadakan Pada 9 Hingga 20 Disember 2025

**3. Bilangan Tawaran:**
(77) JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
Badges (Butterfly Clip) Bagi Keperluan 33rd Sea Games, Thailand Yang Akan Diadakan Pada 9 Hingga 20 Disember 2025

**4. Bilangan Tawaran:**
(78) JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
Bag Pack Bagi Keperluan 33rd Sea Games, Thailand Yang Akan Diadakan Pada 9 Hingga 20 Disember 2025

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup:**
23 Oktober 2025

**1. Bilangan Tawaran:**
(79) JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
To Supply and Install New Tensile Fabric Roof for The Existing Playground Area at Hassanal Bolkiah National Stadium

**2. Bilangan Tawaran:**
(80) JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**
To Supply and Install Solar System for Existing Concourse Lighting at Hassanal Bolkiah National Stadium

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup:**
23 Oktober 2025

## JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA
## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran:**
JDBM / Q / 67 / 2025

**Tawaran:**
Membekal Kayu Tambahan Bagi Kerja-Kerja Membaik Pulih Kerosakan Jambatan-Jambatan Utama Keseluruhan Mukim Di Kampong Ayer, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 21 Oktober 2025

## JPh
## JABATAN PERHUTANAN
## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Tajuk Sebut Harga:**
JPH / 004 / SH / 2558 / 2025 - 2026
Rooftop Repair And Waterproofing Works At Tropical Biodiversity Centre, Forestry Department, Ministry Of Primary Resources And Tourism. Sungai Liang, Belait District

Dibukakan kepada penender-penender yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas II-III dan Kategori Kerja KA01 – Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam atau KPB11A – Pembaikan Kerosakan Struktur Binaan atau KPB11B – Pengukuhan Struktur Binaan.

**Borang Pendaftaran Syarikat (Jika belum berdaftar):**
BND10.00

**Borang Sebut Harga:**
BND5.00 -Tidak Dikembalikan

**Tarikh dan Jam Tutup Sebut Harga:**
Khamis, 23 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

## JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas**
II, III, IV atau V

**Kategori**
KPB12

**Tarikh Buka Tawaran pada:**
Isnin, 6 Oktober 2025

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa, 28 Oktober 2025

**Tarikh Tutup Pada:**
Selasa, 4 November 2025
jam 2.00 Petang

**JASTRE / BL / T024 / 2025**
Kerja-Kerja Pemeliharaan Landskap Di Jalan Sultan Omar Ali Saifuddien dan Di Beberapa Jalan Pilihan Di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun.

**No. Projek:**
JASTRE / BL / T024 / 2025

**Jumlah Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas**
II, III, IV atau V

**Kategori**
KPB12

**Tarikh Buka Tawaran pada:**
Isnin, 6 Oktober 2025

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa, 28 Oktober 2025

**Tarikh Tutup Pada:**
Selasa, 4 November 2025
jam 2.00 Petang

**JASTRE / BL / T025 / 2025**
Kerja-Kerja Pemeliharaan Landskap Di Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Menuju Jambatan Edinburgh Termasuk Jalan Makam Kubah Diraja Dan Batu Satu Interchange, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun.

**No. Projek:**
JASTRE / BL / T025 / 2025

**Jumlah Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas**
II, III atau IV

**Kategori**
KPB12

**Tarikh Buka Tawaran pada:**
Isnin, 6 Oktober 2025

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa, 28 Oktober 2025

**Tarikh Tutup Pada:**
Selasa ,4 November 2025
jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / BL / T023 / 2025**
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Di Jalan Perdana Menteri Dari Pusing Keliling P.M.O Ke Jalan Haji Basir Termasuk Jalan Jerambak, Jalan Sekolah, Jalan Simpang, Ong Sum Ping, Jalan Jame' Asr (Hujung Jambatan) dan Jalan Gadong (Hujung Jambatan) Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun

**No. Projek:**
JASTRE / BL / T023 / 2025

**Jumlah Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / TU / TA / 08
Pembelian Kelengkapan Alat Pesawat Bagi Tentera Udara Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 21 Oktober 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 28 Oktober 2025
Jam 2.00 petang

## RTB
## JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
## JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan dan Tajuk:**
RTB / K / 98 / 25-26
Supply And Delivery Of Microphone Arms, Headphones And Audio Accessories For Radio Studio

**Bayaran Tawaran:**
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas:**
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)
(*hardcopy*)

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 15 Oktober 2025
Jam 2.00 petang

## JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**JPt / TAW / 06(A) / 2024-2025:**
Kerja-Kerja Penyambungan Bekalan Air Domestik Bagi Kawasan Kemajuan Pertanian Batang Mitus (Buah), Tutong
**(Yuran Tawaran BND30.00 | Borang Tawaran BND15.00)**

**Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Selasa, 28 Oktober 2025.**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Tawaran Rancangan Pemakanan Sekolah**

**1. MOE / LTK / 59 / 2025 / 2026**
**[DA(BPPA-OKT-2025)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi
Sekolah Rendah Pengkalan Tentera Laut, Serasa,
Daerah Brunei Muara.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : SM/61
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :**
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**2. MOE / LTK / 60 / 2025 / 2026**
**[DA(BPPA-OKT-2025)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Anak-Anak Askar Batalion II, Tutong Kem
2. Sekolah Rendah Binturan
Daerah Tutong.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : SM/62
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**3. MOE / LTK / 61 / 2025 / 2026**
**[DA(BPPA-OKT-2025)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Makan Bagi:
1. Sekolah Rendah Selapon
2. Sekolah Rendah Semabat
Daerah Temburong.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : MKN/11
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :**
BND30.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tawaran Program Harapan**

**4. MOE / LTK / 62 / 2025 / 2026**
**[DA(BPPA-OKT-2025)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Sarapan Pagi Secara Tapau Bagi Program Harapan
Sekolah Menengah Tanjong Maya
Daerah Tutong.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH/S5
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND30.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**5. MOE / LTK / 63 / 2025 / 2026**
**[DA(BPPA-OKT-2025)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Makan Tengah Hari Secara Tapau Bagi Program Harapan
Sekolah Menengah Awang Semaun
Daerah Brunei Muara.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH/T1
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**6. MOE / LTK / 64 / 2025 / 2026**
**[DA(BPPA-OKT-2025)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Makan Tengah Hari Secara Tapau Bagi Program Harapan:
1. Sekolah Rendah Bebuloh
2. Sekolah Rendah Batang Mitus
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH/T4
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND30.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**7. MOE / LTK / 65 / 2025 / 2026**
**[DA(BPPA-OKT-2025)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan-Keperluan Pemakanan (Makan Tengah Hari)
Bagi Program Harapan:
1. Sekolah Rendah Sungai Teraban
2. Sekolah Rendah Labi
Daerah Belait.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH/T8
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**8. MOE / LTK / 66 / 2025 / 2026**
**[DA(BPPA-OKT-2025)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan:
1. Sekolah Rendah Mentiri
2. Sekolah Rendah Tanjong Kindana
Daerah Brunei Muara.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH/ST4
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**9. MOE / LTK / 67 / 2025 / 2026**
**[DA(BPPA-OKT-2025)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan
Sekolah Rendah Panaga
Daerah Belait.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH/ST8
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**10. MOE / LTK / 68 / 2025 / 2026**
**[DA(BPPA-OKT-2025)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan:
1. Sekolah Rendah Puni
2. Sekolah Rendah Sultan Hashim, Batu Apoi
3. Sekolah Rendah Rataie
Daerah Temburong.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH/ST9
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Tutup dan Waktu:**
21 Oktober 2025 – Selasa
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Iklan Tarkh Lanjutan**

Penender–penender adalah dipelawa untuk mengemukakan 9 tawaran bagi kerja berikut :

**RBPF / TPROC / RC / 002 / 2025-T**
Pembekalan dan Penyewaan Kenderaan Agensi-Agensi Keselamatan dan Penguatkuasaan
Bagi Tempoh Lima (5) Tahun
(Police Motorcycles 1,000cc).

**Yuran Tawaran:**
BND2,000.00
(Tidak Dikembalikan)

**RBPF / TPROC / RC / 003 / 2025-T**
Pembekalan dan Penyewaan Kenderaan Agensi-Agensi Keselamatan dan Penguatkuasaan
Bagi Tempoh Lima (5) Tahun
(Police Motorcycles 1,300cc).

**Yuran Tawaran:**
BND1,000.00
(Tidak Dikembalikan)

**RBPF / TPROC / RC / 004 / 2025-T**
Pembekalan dan Penyewaan Kenderaan Agensi-Agensi Keselamatan dan Penguatkuasaan
Bagi Tempoh Lima (5) Tahun
(Police Motorcycles 1,600cc).

**Yuran Tawaran:**
BND 500.00
(Tidak Dikembalikan)

**RBPF / TPROC / RC / 005 / 2025-T**
Pembekalan dan Penyewaan Kenderaan Agensi-Agensi Keselamatan dan Penguatkuasaan
Bagi Tempoh Lima (05) Tahun
(Sedans).

**Yuran Tawaran:**
BND 2,000.00
(Tidak Dikembalikan)

**RBPF / TPROC / RC / 006 / 2025-T**
Pembekalan dan Penyewaan Kenderaan Agensi-Agensi Keselamatan dan Penguatkuasaan
Bagi Tempoh Lima (05) Tahun
(SUVS).

**Yuran Tawaran:**
BND 2,000.00
(Tidak Dikembalikan)

**RBPF / TPROC / RC / 007 / 2025-T**
Pembekalan dan Penyewaan Kenderaan Agensi-Agensi Keselamatan dan Penguatkuasaan
Bagi Tempoh Lima (05) Tahun
(VANS).

**Yuran Tawaran:**
BND1,000.00
(Tidak Dikembalikan)

**RBPF / TPROC / RC / 008 / 2025-T**
Pembekalan dan Penyewaan Kenderaan Agensi-Agensi Keselamatan dan Penguatkuasaan
Bagi Tempoh Lima (5) Tahun
(BUSES).

**Yuran Tawaran:**
BND 500.00
(Tidak Dikembalikan)

**RBPF / TPROC / RC / 009 / 2025-T**
Pembekalan dan Penyewaan Kenderaan Agensi-Agensi Keselamatan dan Penguatkuasaan
Bagi Tempoh Lima (5) Tahun
(Light Trucks).

**Yuran Tawaran:**
BND 500.00
(Tidak Dikembalikan)

**RBPF / TPROC / RC / 010 / 2025-T**
Pembekalan dan Penyewaan Kenderaan Agensi-Agensi Keselamatan dan Penguatkuasaan
Bagi Tempoh Lima (5) Tahun
(Double Cabs).

**Yuran Tawaran:**
BND 500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Bagi Mengambil Dokumen Tawaran Adalah Pada:**
Khamis,
9 Oktober 2025

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
14 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran**
**Jabatan Perkhidmatan Elektrik**
**Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / DIS / 060 / 2025

**Tajuk:**
Supply And Delivery Of 800KVA Rated Truck Mounted Generator

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 28 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**Harga Dokumen:**
BND500.00
Tidak Dikembalikan

**Tempat Tutup:**
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

**Kelayakan:**
Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan ROCBN dan memiliki Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian (SDN BHD) Yang Sah

Dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari **Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.**

**Perhatian:**
Sila sertakan Salinan "Business Names Enactment, 1958 - Section 16 & 17", Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD), Sijil Tabung Amanah Pekerja, "TAP Employer Contribution" dan 'Certificate of Tax Compliance' semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran**
**Jabatan Perkhidmatan Elektrik**
**Jabatan Perdana Menteri**
**Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / KOP / 076 / 2025

**Tajuk Tawaran:**
Supply And Delivery Of Low Voltage Aerial Bundle Conductor

**Tarikh Tutup:**
28 Oktober 2025
Selasa, 2.00 Petang

**Yuran Tawaran:**
BND100.00 (Tidak dikembalikan)

**Tempat Tutup:**
Peti Tawaran
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri
Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri
Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam

**Kelayakan:**
pembekal yang berdaftar dengan kementerian pembangunan dalam Kategori P05 dan berdaftar di bawah 'Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39' serta memiliki 'Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian' yang sah sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperoleh di **Kaunter Unit Tawaran dan Sebut harga, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, di Jabatan Perdana Menteri.**

**Perhatian:**
Sila bawa salinan "BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958- SECTION 16 & 17" dan Sijil Pendaftaran di Kementerian Pembangunan (MOD) dengan Kelas dan Kategori tersebut semasa mengambil dokumen di Kaunter Unit Tawaran, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

## JABATAN PERIKANAN
## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0028 / 2025
Technical Service For Annual Preventive Maintenance And Calibration Works On Polymerase Chain Reaction Laboratory Equipments In Accordance To Manufacturer's Specification

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0029 / 2025
Technical Service For Certification And Preventice Maintenance Works On Biohazard Safety Cabinets And Fumehoods In Accordance To Manufacturer's Specification

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0030 / 2025
Technical Service, Preventive Maintenance And Calibration For Hach Spectrophotometer In Accordance To Manufacturing Specification

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0031 / 2025
Technical Service, Preventive Maintenance And Alignment For Digital Microscope In Accordance To Manufacturer's Spesification

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0032 / 2025
Technical Service, Preventive Maintenance And Calibration Of Two Units Carl Zeiss Digital Microscope In Accordance To Manufacturer's Specification

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0033 / 2025
To Supply And Provide Technical Service And Preventive Maintenance For Dehumidifier In Accordance To Manufacturing Specification

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0034 / 2025
To Supply And Delivery Of Laboratory Apparatus For Antimicrobial Resistance Testing For Aquatic Animal Health And Laboratory Services Centre, Department Of Fisheries

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis,16 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0035 / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**
To Supply, Delivery And Install Sea Water Intake Pump House Flume Slab Cover For Keramut Seawater Pump Station, Tutong, Department Of Fisheries

**Tarikh Tutup :**
Khamis, 23 Oktober 2025

## JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Sebut Harga:**
03 / 2025 / 2026
Pembekalan dan Penghantaran Toner dan Ink Cartridge Bagi Lima (05) Bulan Secara Berkontrak Bagi Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam Bagi Tahun Kewangan 2025 / 2026

**Bayaran Yuran Sebut Harga:**
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Pembayaran yuran sebut harga adalah secara online melalui One Common Billing System (OCBS))

**Tarikh Buka Sebut Harga:**
Isnin, 6 Oktober 2025

(Permohonan dokumen tawaran boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang Jabatan Perancang Bandar dan Desa iaitu www.mod.gov.bn/tcp dan seterusnya masuk ke QUOTATION melalui Quick Links)

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis, 30 Oktober 2025,
sebelum jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
24 / SEPT / 2025 / KKBS / PJK / 16.14
Renovation Works To Meeting Room At Level 7, Ministry Of Culture, Youth And Sports, Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis, 16 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

## JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Rujukan:**
JBBSB / SH / 2025 – 2026 / 66 / BPPK / 17

**Tajuk Sebut Harga:**
One (1) Year Term Contract To Supply And Delivery Parts And Accessories Of Brush Cutter / Blower For Seksyen Keindahan Dan Kebersihan, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

**Hari, Tarikh dan Jam Tutup:**
Khamis, 9 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JBBSB / SH / 2025-2026 / 65 / BPKB / 07

**Nama Tawaran:**
Tawaran Penyewaan Padang Gadong

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis, 23 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JBBSB / SH / 2025-2026 / 54 / BPKB / 06

**Nama Tawaran:**
Tawaran Bagi 'Residency Advertisement Box'

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis, 9 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

## UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DIVISYEN PENGURUSAN KORPORAT
## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Bil. Sebut Harga:**
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2025 / Q11
Invitation To Supply, Deliver And Configure Of Network Switches For Ministry Of Development.

**Bil. Sebut Harga:**
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2025 / Q12
Invitation To Supply, Deliver And Configure For The Renewal Of Cisco Smartnet For Ministry Of Development.

**Bil. Sebut Harga:**
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2025 / Q14
Invitation For Filemaker Renewal Maintenance Contract For 1 Year For Ministry Of Development

**Bil. Sebut Harga:**
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2025 / Q15
Invitation To Supply and Delivery of 'HP' Printer Printing Toner Cartridges for Ministry of Development

**Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Sebut Harga:**
BND9.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Buka:**
Sabtu, 27 September 2025

**Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:**
Khamis, 9 Oktober 2025

**Tarikh Tutup:**
Isnin,
13 Oktober 2025
Sebelum 9.00 pagi

## JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Tawaran:**
JKP / SH / 2025 – 2026 / 46

**Tajuk Tawaran:**
To Provide Technical Tour Services For Participants Of UN Tourism Regional Workshop On Measuring Sustainability Of Tourism In Asia And The Pacific, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, 18th - 20th November 2025

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis,
23 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

## JABATAN PENERBANGAN AWAM
## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

**Tajuk Tawaran:**
CNS / ATM Network Upgrade
**ATELS / 2025 / LTK-03**

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tawaran:**
22 September 2025, Isnin

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
20 Oktober 2025, Isnin

**Tarikh Tutup Tawaran:**
21 Oktober 2025, Selasa

**Kepada:**
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Sebut Harga:**
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 10 / 2025 - 2026

**Tajuk Sebut Harga:**
To Supply, Deliver And Install Indoor LED Screen For Dewan Setia Pahlawan At Ministry Of Primary Resources And Tourism

**Tarikh Buka Sebut Harga:**
6 Oktober 2025

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
30 Oktober 2025
Khamis,
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga:**
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

**MAHKAMAH BESAR**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di Dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**KES NO. BCY/CP/125/2025**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

**Yapp Sze Chang**
BYIC No. 00-115760
… Penghutang Penghakiman/Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 14 Ogos 2025.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
Yapp Sze Chang
No. 195, Simpang 528,
Kampung Sungai Hanching Baru,
Jalan Muara BC2115,
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen: 24 Jun 2025

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Tarikh: 13 September 2025

**KES NO. BCY/CP/125/2025**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

**Yapp Sze Chang**
BYIC No. 00-115760
… Penghutang Penghakiman/Penentang

**Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 14 Ogos 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik ( L1-11 ), Mahkamah Besar pada 18 Oktober 2025 jam 10:15 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 18 Oktober 2025 jam 10:15 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Tarikh: 13 September 2025

**Muhd Muzakkir Bin Haji Zakaria**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
b/p Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY/CP/66/2025**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

**Mazalani Bin Mohd Niah**
BYIC No. 00-127319
… Penghutang Penghakiman/Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 23 Ogos 2025.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
Mazalani Bin Mohd Niah
No. 34, Simpang 43-48,
STKRJ Lorong 3 Selatan,
Seria, KB1533,
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen: 19 Julai 2025

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Tarikh: 11 September 2025

**KES NO. BCY/CP/66/2025**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

**Mazalani Bin Mohd Niah**
BYIC No. 00-127319
… Penghutang Penghakiman/Penentang

**Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 23 Ogos 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik ( L1-13 ), Mahkamah Besar pada 24hb November 2025 jam 9:15 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 24hb November 2025 jam 09:15 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Tarikh: 11 September 2025

**KES NO. BCY/CP/126/2025**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

**Mohammad Roslee Bin Md Salleh**
BYIC No. 00-281465
… Penghutang Penghakiman/Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 21 Ogos 2025.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
Mohammad Roslee Bin Md Salleh
No. 18, Simpang 30-3-8-5,
RPN Kampung Lugu, Jalan Ambin,
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen: 19 Julai 2025

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Tarikh: 10 September 2025

**KES NO. BCY/CP/126/2025**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

**Mohammad Roslee Bin Md Salleh**
BYIC No. 00-281465
… Penghutang Penghakiman/Penentang

**Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 21 Ogos 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik ( L1-13 ), Mahkamah Besar pada 24 November 2025 jam 09:00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 24 November 2025 jam 9.00 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Tarikh: 10 September 2025

**Pg Siti Nursu'aidah Binti Pg Jufrizar @ Pg Tajuddin**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
b/p Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY/CP/52/2025**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

**Muhammad Fairuz Bin Hj Hamdan**
BYIC No. 00-297551
… Penghutang Penghakiman/Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 28 Ogos 2025.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
Muhammad Fairuz Bin Hj Hamdan
No. 941, Simpang 935,
Kampung Sinaut, TB1741,
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen: 12 Julai 2025

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 4 September 2025

**KES NO. BCY/CP/52/2025**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

**Muhammad Fairuz Bin Hj Hamdan**
BYIC No. 00-297551
… Penghutang Penghakiman/Penentang

**Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 28 Ogos 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L-10), Mahkamah Besar pada 14 Oktober 2025 jam 9.45 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 14 Oktober 2025 jam 9.45 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh: 4 September 2025

**Nurul Hidayah Binti Hamdan**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

---

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Iklan Tarikh Lanjutan**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**
II & III sahaja

**Kategori :**
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :**
10 September 2025

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Tidak lewat Selasa,
7 Oktober 2025,
Jam 3.00 Petang.

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa, 21 Oktober 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DOR / SRM 16 / 2025

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Membaiki Jalan Raya Selepas Kerja-Kerja Jabatan Perkhidmatan Air

**Yuran Tawaran :**
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

**E-Dokumen :**
Tidak Ada

PELITA BRUNEI

# IMBASAN MINGGUAN



KEMERIAHAN para peserta semasa pelancaran Kejohanan BN on the Move 2025 di BIBD Connects, Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.




AKSI semasa Peringkat Akhir Kejohanan Badminton sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-35, Tahun 2025 bertempat di Dewan Pusat Belia, di ibu negara. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.



SALAH satu persembahan 2RGR Kukri Display oleh Royal Gurkha Rifles (2RGR), British Forces Brunei (BFB), Mumong. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.




KEPULANGAN Kontinjen Negara Brunei Darussalam di Pusat Pergerakan Udara, Pangkalan Tentera Udara Brunei sejurus selepas menyertai temasya Sukan Borneo Ke-6, 2025 di Kuching, Sarawak. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azrie Pg. Haji Nikman.




BRAZILIAN Football Academy (BFA) dinobatkan sebagai juara Liga Belia Brunei Bawah 15 Tahun, 2025 dengan kemenangan 1 - 0 ke atas DPMM FC yang berlangsung di Jerudong Park Mini Stadium. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.


79

# Sokongan ibu bapa ketika anak menghadapi peperiksaan




**Oleh : Norliah Md. Zain**
**Ilustrasi : Meja Reka Kreatif, Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei**

KINI ada pelajar sudah pun menduduki peperiksaan 'besar' seperti GCE 'O' Level dan tidak lama lagi peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pula akan menjelang. Kemudian menyusul pula peperiksaan akhir tahun yang lainnya. Pastinya insan yang paling resah ketika anak-anak menduduki peperiksaan ialah para ibu bapa atau penjaga mereka.

Ibu bapa pastinya berdebar dan bimbang terhadap anak-anak mereka. Sememangnya semua ibu bapa mengharapkan yang terbaik buat anak mereka. Ketika anak menjalani situasi genting dan mencabar seperti peperiksaan, sebaiknya angkatlah tangan berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar urusan anak-anak dipermudahkan.

Sokongan ibu bapa sangat penting dalam membantu anak-anak menghadapi peperiksaan. Ia bukan sahaja memberi kekuatan mental dan emosi, tetapi juga mendorong anak-anak untuk berusaha dengan lebih gigih.

Antara sokongan yang boleh diberikan oleh ibu bapa ialah sokongan emosi dan moral antaranya memberi kata-kata semangat dengan ucapan seperti "Mama dan bapa percaya pada kemampuan kamu" atau "Yang penting kamu sudah buat yang terbaik" boleh meningkatkan keyakinan diri anak.

Elakkan juga anak menghadapi tekanan berlebihan seperti membandingkan anak sendiri dengan orang lain atau terlalu menekankan keputusan yang cemerlang. Sebaiknya fokus kepada usaha yang perlu dibuat.

Persekitaran rumah yang kondusif juga membantu pembelajaran anak-anak seperti menyediakan ruang belajar yang tenang dan selesa serta kurangkan gangguan seperti bunyi televisyen yang kuat.

Berilah sokongan akademik seperti bantu anak merancang jadual belajar yang seimbang, termasuk masa rehat mereka. Anak-anak perlu ada masa untuk belajar, berehat, bermain, meluangkan masa bersama keluarga dan membuat kerja-kerja di rumah dan sebagainya. Sediakan bahan ulang kaji seperti buku latihan, nota, atau sumber dalam talian. Jika mempunyai rezeki yang lebih hantarlah anak ke kelas tuisyen atau dapatkan *private* tutor jika perlu, dan ini bergantung juga pada keperluan anak. Sekiranya ada guru secara sukarela mahu memberikan kelas tuisyen percuma ataupun pihak sekolah ada menyediakan kelas tambahan, hantarlah anak-anak mengikutinya pada waktu yang telah ditetapkan.

Anak-anak yang menghadapi peperiksaan juga perlu dijaga pemakanan dan kesihatannya. Anak-anak perlu mendapat makanan berkhasiat dan cukup tidur. Elakkan anak berjaga malam secara berlebihan untuk belajar, dikhuatiri mereka tertidur ketika menjawab soalan peperiksaan. Mempunyai masalah kesihatan boleh menjejaskan tahap fokus anak-anak di sekolah.

Paling penting juga ialah doa dengan mendoakan kejayaan anak secara konsisten. Galakkan anak untuk solat, berdoa, dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala selepas berusaha keras. Banyak doa dan zikir yang boleh diamalkan oleh ibu bapa bagi mendoakan kejayaan anak-anak.

Selain itu meluangkan masa dan beri perhatian dengan bertanya khabar dan mendengar luahan anak tentang tekanan peperiksaan. Apabila kita menjadi pendengar yang baik sekurang-kurangnya ia boleh mengurangkan stres anak.

Ingatlah bahawa sokongan ibu bapa itu bukan semata-mata dalam bentuk material atau akademik, tetapi yang paling penting ialah keberadaan kita di samping anak-anak dan memahami apa yang mereka hadapi. Bila anak rasa disayangi dan difahami, mereka akan lebih tenang dan yakin untuk menghadapi cabaran peperiksaan.

Belia Berwawasan




# Zulfan - Fokus kepada kesejahteraan mental demi pembangunan belia

**Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman**
**Foto : Ihsan Haji Mohammad Zulfan Farhi Haji Sulaini**

**BELIA** tunggak negara, ayat ini yang sering diperkatakan dan dikaitkan bila ia berhubung dengan belia kerana kita sendiri maklum bahawasanya belia merupakan golongan yang menjadi tunggak kepada negara.

Belia juga bakal menjadi tunggak negara dalam menentukan hala tuju dan kemajuan masa depan kerana kepentingan generasi belia pada sesebuah negara itu terletak pada peranan belia sebagai pemaju kemajuan pembangunan negara pada masa depan yang juga mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memimpin negara pada masa hadapan sekali gus sebagai tunggak kekuatan masyarakat dan negara.

Sehubungan dengan itu juga, kali ini ruangan Belia Berwawasan memperkenalkan kepada kita seorang belia harapan bangsa dan negara kepada kita yang juga pernah memenangi Projek Cemerlang Untuk Belia iaitu Haji Mohammad Zulfan Farhi bin Haji Sulaini, berusia 27 tahun dan berasal dari Kampung Sengkurong.

Haji Mohammad Zulfan Farhi yang bertugas sebagai Pegawai Kaji Selidik di Kementerian Pertahanan di Pusat Optima Kecergasan Tentera mempunyai kecenderungan di dalam mengkaji kecergasan mental terutama sekali dalam kalangan anggota tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan mula berkecimpung dalam bidang ini selama tiga tahun dengan minat yang mendalam ke arah membantu orang lain berkembang dan membina kehidupan, kecergasan dan kesihatan yang lebih bermakna.

Menurut Haji Mohammad Zulfan pula, disebabkan minat dan rasa komited yang ada di dalam mencari penyelesaian yang bukan sahaja praktikal tetapi juga mampu diakses dan memberi nilai sebenar kepada golongan yang tertentu ia membantu diri beliau dalam memperoleh pengalaman berharga dengan memahami cabaran sebenar yang dihadapi oleh masyarakat, khususnya belia.

"Dengan tugasan harian saya sebagai Pegawai Kaji Selidik di Pusat Optima Kecergasan Tentera ia juga memberi peluang kepada saya untuk menyumbang kepada bangsa dan negara dengan meningkatkan kesedaran, menyediakan platform sokongan, melatih generasi muda dan memperkukuhkan daya tahan mental dan sosial," ujar Haji Mohammad Zulfan.

Menyentuh dengan kemenangan beliau pula semasa Anugerah Hari Belia Kebangsaan pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025 yang merupakan acara tahunan bagi memperingati sumbangan, pengorbanan dan perjuangan generasi muda dalam mencorak dan mempercepat rentak pembangunan negara, Haji Mohammad Zulfan menjelaskan di mana kemenangan tersebut merupakan satu penghormatan dengan memenangi Projek Cemerlang Untuk Belia.

"Pemilihan saya, insyaaAllah, adalah hasil daripada usaha membangunkan Projek JIWA SENJA yang memberi fokus kepada kesejahteraan mental demi pembangunan belia. Faktor yang membuatkan saya terpilih ialah keberkesanan projek tersebut dalam memberi impak positif kepada masyarakat, khususnya golongan belia.

"Dengan Projek JIWA SENJA, kami menemui bahawa 85 peratus orang yang menerima bantuan daripada Projek JIWA SENJA tidak memerlukan pakar kesihatan mental dan cukup dengan adanya *peer support*. Dengan ini, beban diringankan atas sistem kesihatan negara dan juga menyediakan sistem sokongan yang efektif untuk para belia," terangnya.

Menurutnya lagi, Idea untuk membangunkan projek ini datang daripada pemerhatian terhadap isu kurang aksesibiliti pakar kesihatan mental yang mana pada masa ini hanya ada 24.9 pakar kesihatan mental per 100,000 penduduk. Walaupun, Perkhidmatan Awam adalah secara percuma, para belia perlu menunggu tiga ke enam bulan untuk mendapatkan sesi dan juga harga perkhidmatan swasta terlalu mahal untuk para belia dan dari situ jugalah saya komited untuk mencari penyelesaian yang bukan sahaja praktikal, tetapi juga mampu diakses dan memberi nilai sebenar kepada golongan sasar.

Mengenai dengan pandangan Haji Mohammad Zulfan tentang belia negara masa kini ujarnya, belia kita pada masa ini mempunyai potensi yang sangat besar tetapi perlu disalurkan dengan betul memandangkan kepada dunia hari ini penuh cabaran, namun juga kaya dengan peluang ke arah itu untuk menjadi belia yang berjaya perlu ada tiga perkara utama :

1. Kenali diri - Fahami nilai, minat dan kekuatan sendiri.

2. Terus belajar - Jangan berhenti mencari ilmu, sama ada secara formal atau melalui pengalaman hidup.

3. Berbakti kepada masyarakat - Kejayaan sebenar bukan sahaja diukur dengan pencapaian peribadi, tetapi juga sejauh mana kita memberi manfaat kepada orang lain.

Haji Mohammad Zulfan juga menaruh kepercayaan di mana jika belia kita istiqamah dengan tiga perkara ini, insyaaAllah mereka akan menjadi generasi yang berwawasan, berdaya tahan, dan mampu memimpin negara ke arah yang lebih baik.

PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# HUJAN LEBAT, TANAH RUNTUH RAGUT 20 NYAWA DI WILAYAH TIMUR LAUT REPUBLIK INDIA

**NEW DELHI**, 5 Okt. - Sekurang-kurangnya 20 orang maut selepas hujan lebat dan tanah runtuh memusnahkan infrastruktur serta kediaman di wilayah timur laut Republik India.

Hujan dan tanah runtuh sejak Sabtu menyebabkan kemusnahan besar di utara negeri Bengal Barat.

Tujuh orang terbunuh dalam kejadian tanah runtuh di kawasan Mirik, daerah Darjeeling, manakala sebahagian jambatan Dhudia di Sungai Balason yang menghubungkan Siliguri dan Mirik runtuh, lapor media tempatan.

Banyak jalan raya rosak di wilayah Tadbir Urus Wilayah Gorkhaland, menjejaskan hubungan pengangkutan ke bandar dan penempatan di kawasan perbukitan.

Negeri kecil Sikkim di timur laut turut terputus hubungan dengan Bengal Barat selepas laluan utama daratnya tertimbus akibat tanah runtuh.

Ketua Menteri Bengal Barat, Mamata Banerjee, berkata hujan lebat pada malam Sabtu telah menyebabkan banjir di bahagian utara dan selatan negeri itu.

Beliau memaklumkan jumlah hujan di Bengal utara melebihi 300 milimeter dalam tempoh 12 jam.

"Dua jambatan besi runtuh, beberapa jalan rosak atau ditenggelami air, dan kawasan luas di daerah Darjeeling, Kalimpong, Jalpaiguri serta Alipurduar turut dinaiki air," katanya dalam catatan di platform media sosial X pada Ahad.

Sementara itu, di seberang sempadan Nepal, tanah runtuh dan banjir kilat turut mengorbankan puluhan nyawa di seluruh negara.

Sekurang - kurangnya 36 kematian dilaporkan di wilayah Koshi, Nepal, yang bersempadan dengan kawasan timur laut India yang dilanda bencana. - ©BERNAMA

# Taufan Matmo mendorong pemindahan besar-besaran

**NANNING/HAIKOU**, 5 Okt. - Taufan Matmo, ribut ke-21 yang dinamakan pada musim taufan Pasifik 2025, semakin kuat apabila ia menghampiri kawasan pantai selatan Republik Rakyat China, yang membawa kepada pemindahan berskala besar.

Semua laluan feri penumpang di kawasan pesisir Wilayah Autonomi Zhuang Guangxi telah ditutup. Kira-kira 26,000 pelancong di Pulau Weizhounya telah dipindahkan, tanpa seorang pun yang terkandas. Projek dan pelabuhan pantai telah menghentikan operasi, dan 4,024 kakitangan dari kapal dan platform minyak telah dipindahkan.

Pihak berkuasa maritim Guangxi mengaktifkan respons kecemasan peringkat tertinggi pada pagi Ahad, membimbing 168 kapal ke perairan selamat dan mengamankan 889 kapal di pelabuhan.

Wilayah pulau Hainan telah menempatkan semula lebih 197,000 orang dari kawasan berisiko tinggi setakat tengah hari Ahad, dengan amaran merah taufan kekal berkuat kuasa.

Wilayah Guangdong telah meningkatkan tindak balas kecemasan taufannya ke tahap tertinggi apabila Taufan Matmo semakin kuat, dengan pemindahan terkumpul melebihi 150,000 orang untuk memastikan keselamatan.

Taufan itu semakin kuat dengan angin sehingga 45 meter sesaat. Pasukan kecemasan telah dikerahkan untuk memulihkan kuasa dan komunikasi di kawasan tersebut.

Menurut pihak berkuasa meteorologi, Matmo sedang bergerak ke barat-barat laut dan dijangka mendarat di Guangdong sebelum lemah dan memasuki Teluk Beibu menjelang petang. Ribut dan hujan lebat diramalkan. - ©XINHUA



**FOTO dron udara yang diambil pada 4 Oktober 2025 menunjukkan kapal penumpang di Pelabuhan Xiuying Haikou, Wilayah Hainan di selatan Republik Rakyat China. Ketika Taufan Matmo semakin hampir, jawatankuasa wilayah bagi pencegahan bencana, mitigasi dan bantuan menaik taraf tindak balas taufan kecemasan mereka untuk kapal dan operasi marin di kawasan laut terjejas.**

# Banjir di selatan Sudan ragut 19 nyawa, jejaskan hampir 640,000 orang - PBB

**JUBA**, 4 Okt. - Hujan lebat mencetuskan banjir besar di Selatan Sudan, meragut 19 nyawa dan menjejaskan kira-kira 639,225 orang di 26 daerah melibatkan enam negeri, lapor Xinhua memetik agensi kemanusiaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Pejabat PBB bagi Penyelarasan Hal Ehwal Kemanusiaan (OCHA) memaklumkan hampir 175,000 orang kini hilang tempat tinggal dan terpaksa berpindah ke kawasan tanah tinggi di 16 daerah.

"Risiko kesihatan semakin meningkat dengan bertambahnya kes malaria, jangkitan pernafasan dan cirit-birit," menurut OCHA dalam laporan kemanusiaan terbarunya yang dikeluarkan di ibu negara, Juba.

Agensi itu turut melaporkan sekurang - kurangnya 121 kemudahan kesihatan terjejas, dengan 144 kes patukan ular dan 3,391 kes kekurangan zat makanan direkodkan di 11 daerah.

Laporan itu dikeluarkan sehari selepas badan amal antarabangsa 'Save the Children' memberi amaran bahawa dianggarkan 1.4 juta penduduk di Selatan Sudan berdepan ancaman banjir tahun ini, dengan taburan hujan dijangka melebihi paras purata pada Oktober dan November.

Menurut badan amal itu, masyarakat sudah kehilangan tanah pertanian, sumber pendapatan, rumah serta akses kepada sekolah dan kemudahan kesihatan, dengan 379,000 orang dipaksa berpindah akibat kenaikan paras air. - ©BERNAMA

# Senat AS gagal hentikan penutupan kerajaan

**WASHINGTON**, 4 Okt. - Senat Amerika Syarikat (AS) pada Jumaat gagal menghentikan penutupan kerajaan selepas menolak cadangan peruntukan daripada Parti Republikan, sekali gus memanjangkan penutupan kerajaan sekurang - kurangnya sehingga minggu depan, lapor Agensi Berita Qatar (QNA).

Sejak Rabu lalu, peruntukan untuk agensi persekutuan dihentikan, menjejaskan pelbagai perkhidmatan awam akibat kebuntuan di Kongres.

Cadangan Republikan tidak memperoleh sokongan mencukupi daripada Demokrat untuk diluluskan dalam dewan.

Pada hari ketiga penutupan kerajaan, Presiden Donald Trump meningkatkan tekanan terhadap Demokrat supaya menamatkan penutupan dan meluluskan rancangan Republikan yang akan mengembalikan peruntukan.

Namun, usaha itu gagal selepas undian di Senat berakhir dengan 54-44, kurang daripada 60 undi yang diperlukan.

Dalam perkembangan lain, pentadbiran AS pada Jumaat membekukan dana pengangkutan bernilai US$2.1 bilion untuk bandar Chicago, sekali gus menafikan sebuah lagi bandar yang cenderung Demokrat daripada menerima peruntukan.

Pentadbiran itu turut membekukan sekurang-kurangnya US$28 bilion dana untuk bandar dan negeri yang berpihak kepada Demokrat.

Penutupan kerajaan yang berterusan itu menyebabkan banyak operasi agensi persekutuan terhenti serta pembekuan gaji ribuan kakitangan kerajaan yang terpaksa mengambil cuti tanpa gaji. - ©BERNAMA

# Rusia uji sistem pengenalan biometrik untuk penerbangan domestik mulai 2026

**MOSCOW**, 4 Okt. - Rusia sedang memuktamadkan pembangunan perkhidmatan daftar masuk penerbangan menggunakan biometrik yang dinamakan "Migom", dengan ujian dijadual bermula pada 2026, lapor Xinhua.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Ketua Staf Dmitry Grigorenko berkata sistem itu direka untuk memudahkan prosedur pra-penerbangan dan menghapuskan keperluan penumpang mengemukakan dokumen pengenalan diri ketika daftar masuk, melalui pemeriksaan keselamatan di balai berlepas, atau menaiki penerbangan domestik.

Lapangan Terbang Pulkovo di St. Petersburg dipilih sebagai lokasi perintis ujian berkenaan. Lapangan terbang itu sebelum ini telah menawarkan akses biometrik ke bahagian istirahat perniagaan serta pilihan pembayaran biometrik di kedai-kedai.

Menurut Grigorenko, rakyat Rusia telah menggunakan perkhidmatan biometrik lebih 150 juta kali bagi pelbagai urusan seperti pembayaran pembelian, menaiki metro, mendapatkan perkhidmatan dalam talian dan di pusat perkhidmatan awam.

Beliau berkata beberapa pindaan undang-undang akan digubal bagi melaksanakan projek itu. Pengenalan biometrik akan menjadi alternatif kepada pasport ketika prosedur pra-penerbangan, dengan penumpang masih diberi pilihan untuk menggunakan kaedah tradisional jika mahu. - ©BERNAMA

# Penyokong England kecam harga tiket piala dunia

**LONDON**, 4 Okt. - Penyokong pasukan England mengecam harga tiket Piala Dunia musim panas depan yang disifatkan "mengejutkan", dengan amaran ia mungkin meningkat lagi bergantung kepada permintaan, lapor PA Media/dpa. Tiket mula boleh diakses pada Rabu bagi mereka yang terpilih dalam undian bulan lalu.

Namun, menurut laporan The Athletic, tiket berharga US$60 - yang dikatakan FIFA sebagai paling murah ditawarkan - amat sukar diperoleh. FIFA setakat ini belum mengesahkan harga tiket permulaan selain tiket termurah bagi peringkat kumpulan dan tiket termahal untuk perlawanan akhir.

FIFA menggunakan mekanisme harga berubah-ubah bagi kejohanan yang akan dianjurkan bersama Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico. Ini bermakna harga boleh meningkat atau menurun bergantung pada permintaan.

Thomas Concannon dari England Fan's Embassy berkata: "Harga ini sangat mengejutkan - AS$2,000 untuk tiket final termurah adalah tidak munasabah.

"Jika penyokong berjaya mendapatkan tiket kategori empat dari perlawanan pertama hingga akhir, kos minimum ialah US$3,180. Jumlah itu lebih dua kali ganda berbanding kos Piala Dunia Qatar. Ditambah pula dengan kos perjalanan ke Amerika serta penginapan, ini bakal menjadi Piala Dunia paling mahal buat penyokong tegar."

Dia menegaskan FIFA perlu menyediakan peruntukan mencukupi tiket kategori paling rendah kepada negara peserta, tanpa dipengaruhi lokasi bandar tuan rumah atau harga dinamik.

Katanya, tiket negara peserta juga wajar diletakkan di kawasan utama di belakang gawang untuk memastikan sokongan terbaik kepada pasukan masing-masing.

"Kami menggesa Persatuan Bolasepak England (FA) bekerjasama dengan negara lain untuk menekan FIFA agar memastikan Piala Dunia kali ini kekal mampu diakses dari segi kos bagi penyokong yang hadir ke stadium," katanya.

The Athletic pada Jumaat turut melaporkan bahawa FIFA akan mengenakan komisen 15 peratus bagi tiket yang dibeli dan dijual semula melalui platform rasmi penjualan semula. Beberapa tiket dilaporkan sudah dijual pada harga puluhan ribu dolar.

FIFA setakat ini belum memberi sebarang komen. England hanya memerlukan dua lagi kemenangan dalam aksi kelayakan untuk mengesahkan tempat di pusingan akhir musim panas depan. - ©BERNAMA

# PB LANCAR PESTA KONVO, WALKATON AMAL JEJAK HIJAU



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan semasa menyertai sesi senamrobik pada majlis tersebut.

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Haji Ariffin bin Mohd. Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 5 Oktober. - Sempena Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei (PB) Ke-11, PB pagi tadi mengadakan Majlis Pelancaran Pesta Konvo dan Walkaton Amal Jejak Hijau Bersama SMARTER Brunei yang berlangsung di Kampus Ong Sum Ping, PB.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Turut hadir, Peguamcara Negara, Pejabat Peguam Negara, Dayang Hajah Zuraini binti Haji Sharbawi selaku Ahli Lembaga Pengelola PB.

Acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam serta bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan perasmian Pesta Konvo PB Ke-11 oleh tetamu kehormat majlis.

Acara diteruskan dengan sesi penyerahan sumbangan kepada pihak SMARTER Brunei dalam bentuk barangan terpakai seperti pakaian, peralatan belajar termasuk alat tulis, pensil warna dan buku mewarna, serta bahan permainan pendidikan dan alat permainan sensori untuk kegunaan pelajar - pelajar SMARTER Brunei.

Sumbangan disampaikan oleh tetamu kehormat majlis kepada Presiden SMARTER Brunei, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang; dan Timbalan Presiden, Mejar (B) Awang Mohd. Talip bin Haji Mohd. Tahir.

Juga hadir daripada pihak BIBD yang turut menyampaikan sumbangan, iaitu Penolong Ketua Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas, Dayangku Rodzi binti Pengiran Haji Abdul Rahman dan Assistant General Manager, Tina Shariff dari KRISTAL MEDIA.

Acara kemudian diteruskan dengan sesi senamrobik diikuti dengan Walkaton Amal mengelilingi kawasan Jalan Ong Sum Ping yang bermula dan berakhir di Bangunan Kampus PB.

Acara Walkaton Amal Jejak Hijau Bersama SMARTER Brunei merupakan salah satu inisiatif PB dalam menerapkan budaya berkenaan dalam kalangan warga institusi dan orang ramai, di samping membantu SMARTER Brunei mengumpul dana serta barangan keperluan harian mereka.

Mengakhiri acara berkenaan, tetamu kehormat majlis turut berkesempatan menyaksikan pameran Projek Tahun Akhir (Final Year Projects - FYP) oleh para pelajar PB.

Dengan bertemakan 'Kelestarian Budaya Hidup Belia Kita', Pesta Konvo PB tahun ini memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh nilai kelestarian dalam kehidupan seharian selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Pesta Konvo PB tahun ini akan berlangsung sepanjang Oktober, dengan acara Kelestarian@PB yang akan berlangsung dari 6 hingga 9 Oktober 2025 menampilkan pameran FYP, jualan beraneka serta taklimat kerjaya yang merangkumi taklimat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana Bank Islam Brunei Darussalam (MSME BIBD), proses pengambilan pegawai dan rekrut Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), proses pengambilan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) serta perkongsian alumni cemerlang PB bagi para penuntut, khususnya bakal graduan PB.

Selain itu, Kempen Menderma Darah yang dikendalikan oleh Kolej Sains Kesihatan Sekolah Sains Kesihatan Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) juga akan diadakan pada Selasa, 7 Oktober 2025.

Pesta Konvo PB 2025 turut menampilkan pelbagai acara seperti Majlis Khatam Al-Quran yang akan diadakan pada 9 Oktober 2025, Pesta Sukan PB pada 18 Oktober 2025 dan Malam Kebudayaan Warisan Lestari pada 25 Oktober 2025.

Sementara itu, Majlis Konvokesyen PB Ke-11 dijadualkan berlangsung pada 23 Oktober 2025 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Acara kemuncak Pesta Konvo PB akan diakhiri dengan Majlis Anugerah Cemerlang Graduan PB yang akan berlangsung pada 28 Oktober 2025.

# Brunei Run : Meningkatkan kesedaran kepentingan menjaga kesihatan jantung

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

>> Muka 24

Bagi pemenang tempat keempat dan kelima, masing-masing milik Awang Muhd. Zunaidi yang menerima BND100, pingat penamat 10km, keahlian selama satu bulan di Dynamic Sports Gym dan hamper produk penjagaan kulit Laneige; dan Awang Mohd. Sukri dengan menerima BND50, pingat penamat 10km, keahlian selama satu bulan di Dynamic Sports Gym dan hamper produk penjagaan kulit Laneige.

Sementara bagi Kategori Wanita 10km, juara disandang oleh Dayang Linda Chin dengan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak BND400, pingat penamat 10km, keahlian selama 3 bulan di Dynamic Sports Gym dan hamper produk penjagaan kulit Laneige.

Naib juara pula dimenangi oleh Dayang Aida Syazwana Izzati dengan menerima BND300, pingat penamat 10km, keahlian selama satu bulan di Dynamic Sports Gym dan hamper produk penjagaan kulit Laneige, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Dayang Tho Siaw Khein dan menerima BND200, pingat penamat 10km, keahlian selama 1 bulan di Dynamic Sports Gym dan hamper produk penjagaan kulit Laneige.

Bagi pemenang tempat keempat dan kelima pula, masing-masing milik oleh Airince Liam dengan menerima BND100, pingat penamat 10km, keahlian selama satu bulan di Dynamic Sports Gym dan hamper produk penjagaan kulit Laneige; dan Dayang Siti Nur Amirah dengan menerima BND50, pingat penamat 10km, keahlian selama satu bulan di Dynamic Sports Gym dan hamper produk penjagaan kulit Laneige.

Pemenang cabutan bertuah pula menerima jam tangan kecergasan, Boeffi T4 Treadmill Walking Pad dan Boeffi Fitto Back Massager yang ditaja oleh Boeffi, baucar makanan dan minuman yang ditaja oleh The Rizqun Coffeehouse, baucar kecergasan yang ditaja oleh HSN Fitness, serta kit perjalanan yang ditaja oleh Peakflow.

World Heart Day Brunei Run 2025 adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kesihatan jantung. Acara berkenaan menggalakkan para peserta dan masyarakat umum untuk mengamalkan gaya hidup aktif, pemakanan seimbang, pemeriksaan kesihatan secara berkala serta sentiasa peka terhadap tanda-tanda awal penyakit kardiovaskular.

Tema Hari Jantung Sedunia tahun ini, iaitu 'Don't Miss a Beat' menekankan kepentingan tanggungjawab individu, usaha bersama masyarakat, dan tindakan pencegahan yang tepat pada masanya dalam mengekalkan kesihatan kardiovaskular.

Gleneagles JPMC terus mendukung inisiatif berkenaan dengan menggalakkan orang ramai untuk mengamalkan tabiat sihat untuk jantung, mengenali tanda-tanda awal penyakit, dan mendapatkan rawatan perubatan yang sewajarnya apabila diperlukan.

# Liga Super Sepak Takraw TAIB 2025 buka tirai

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**TUTONG**, Ahad, 5 Oktober. - Kejohanan Liga Super Sepak Takraw (LSST) TAIB 2025 membuka tirainya pagi tadi dengan Liga Pusingan Pertama bagi Kategori Liga Perdana dan Liga Amatur yang melibatkan lapan perlawanan bagi Kategori Liga Perdana dan 16 perlawanan bagi Kategori Liga Amatur bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Tutong, di sini.

Hadir menyaksikan perlawanan tersebut ialah Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly; serta pegawai - pegawai dari Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung dari Daerah Tutong.

Kejohanan berkenaan akan berlangsung selama lima minggu berturut-turut pada setiap Ahad bermula 5, 12 dan 19 Oktober 2025 bagi Liga Pusingan Pertama.

Manakala Liga Pusingan Kedua (Knock Out System) akan diadakan pada 26 Oktober 2025 di Kompleks Sukan Tutong dan Perlawanan Peringkat Suku Akhir akan diadakan pada 2 November 2025 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Sementara, Majlis Pembukaan Rasmi akan diadakan pada Jumaat, 10 Oktober 2025 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Perlawanan Peringkat Akhir pula akan diadakan pada 2 November 2025 juga bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, diselajurkan dengan Majlis Penutupan Rasmi dan Penyampaian Hadiah kepada para pemenang.

Penganjuran Kejohanan LSST kali ke-3 tersebut mempertandingkan sebanyak dua kategori iaitu Liga Perdana dan Liga Amatur yang akan melibatkan seramai 14 pasukan bagi acara Liga Perdana dan 32 pasukan bagi acara Liga Amatur.

Kejohanan LSST TAIB 2025 merupakan anjuran Persatuan Sepak Takraw Brunei Darussalam (PESTABARU) dengan kerjasama JBS, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Perbadanan TAIB selaku penaja utama liga.

Matlamat utama kejohanan ini adalah untuk mencari bakat baru yang berpotensi untuk diserapkan dalam program pembangunan atlet, pelapis dan pemain kebangsaan, dan seterusnya sebagai promosi bagi menarik minat orang ramai berkecimpung dalam Sukan Sepak Takraw serta sebagai Whole of Nation Approach iaitu penglibatan beberapa agensi untuk mengambil peranan masing-masing membawa warga menuju bersama cara hidup sihat, disamping menghidupkan semua sukan tradisi sepak takraw yang telah lama bertapak di Negara Brunei Darussalam.



PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan hadir menyaksikan Liga Pusingan Pertama bagi Kategori Liga Perdana dan Liga Amatur.

Orang ramai adalah dialu-alukan hadir bagi menyaksikan perlawanan-perlawanan serta Majlis Pembukaan Rasmi serta Majlis Penutupan Rasmi dan Penyampaian Hadiah pada hari-hari berkenaan bagi sama-sama memeriahkan dan memberi sokongan Kejohanan LSST TAIB 2025 dan masuk adalah percuma.

Pelita Brunei

# PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei

# BRUNEI RUN : MENINGKATKAN KESEDARAN KEPENTINGAN MENJAGA KESIHATAN JANTUNG

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit**




**YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat acara Brunei Run sempena Hari Jantung Sedunia 2025. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Timbalan Pengerusi JPMC.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 5 Oktober. - Gleneagles JPMC dengan kerjasama Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan, telah mengadakan acara Brunei Run sempena Hari Jantung Sedunia 2025, bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, semasa Program Bandarku Ceria.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, selaku Timbalan Pengerusi JPMC.

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay dalam ucapan alu - aluannya menekankan mengenai kepentingan Hari Jantung Sedunia dalam menggalakkan gaya hidup aktif, pemakanan seimbang, dan kepekaan terhadap gejala penyakit jantung.

Dr. Peter Tay turut menyatakan bahawa tema 'Don't Miss a Beat' mencerminkan impak kesihatan jantung yang lebih luas terhadap orang tersayang dan masyarakat secara keseluruhan.

Beliau juga berkongsi mengenai inisiatif berterusan hospital, termasuk pelancaran Kempen Kesedaran Serangan Miokardium Akut (Acute Myocardial Infarction - AMI) baru-baru ini, yang bertujuan untuk mendidik orang ramai tentang cara mengenal pasti tanda-tanda awal serangan jantung dan kepentingan mendapatkan rawatan perubatan dengan segera.

"Dengan meningkatkan kesedaran dan menggalakkan tindakan pantas, kami berharap dapat menyelamatkan lebih banyak nyawa dan mengurangkan beban penyakit kardiovaskular di Negara Brunei Darussalam (NBD) sambil mengukuhkan komitmen hospital terhadap penjagaan kesihatan pencegahan dan kesejahteraan masyarakat," ujarnya.

Acara dimulakan dengan pelepasan bagi Kategori Terbuka 10 Kilometer (km) Lelaki dan Wanita serta Fun Run 5km dan 2.5km.

Bagi Kategori Lelaki 10km, juara dimenangi oleh Awang Haqeem Darwish dengan menerima BND400, pingat penamat 10km, keahlian selama tiga bulan di Dynamic Sports Gym dan hamper produk penjagaan kulit Laneige.

Manakala naib juara disandang oleh Awang Mohd. Abd. Azim dengan menerima BND300, pingat penamat 10km, keahlian selama satu bulan di Dynamic Sports Gym dan hamper produk penjagaan kulit Laneige.

Sementara tempat ketiga dimenangi oleh Awang Mohd. Adizul Fikri dengan menerima BND200, pingat penamat 10km, keahlian selama satu bulan di Dynamic Sports Gym dan hamper produk penjagaan kulit Laneige.

>> Muka 23

# Menggalakkan konsep penuaan sihat melalui pelbagai aktiviti riadah

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya turut menyertai walkaton dengan mengelilingi kawasan Concourse Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB).**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 5 Oktober. - Sempena Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas 2025, Pertubuhan WARGAMAS dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) hari ini menganjurkan acara walkaton iaitu 'Walkatonmas' (singkatan walkaton warga emas) bertempat di Concourse Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad dan Datin.

Antara tujuan acara berkenaan adalah untuk menggalakkan konsep penuaan yang sihat (*healthy aging*) melalui gabungan aktiviti riadah, kesihatan, perpaduan dan kemasyarakatan.

Lebih kurang 300 peserta telah menyertai acara berkenaan yang terdiri daripada ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS, ahli-ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di seluruh daerah, Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs), rakan-rakan strategik serta orang ramai.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh ahli Pertubuhan WARGAMAS, Awang Alihassan bin Haji Ahmad, diikuti dengan sesi senaman ringan bagi pemanasan badan yang diketuai oleh tiga jurulatih kecergasan terdiri daripada Kamarul Ikhsan Aspar dari Functional Movement BN; Dr. Hajah Asmah binti Haji Hussaini dan Dr. Sharimawati binti Haji Sharbini dari Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Aktiviti berkenaan bertujuan untuk menyediakan para peserta dari segi fizikal sebelum memulakan walkaton. Selepas sesi pemanasan badan, para peserta memulakan acara walkaton dengan mengelilingi kawasan Concourse SNHB sebanyak tiga pusingan, iaitu dengan jarak keseluruhan sejauh 1.9 kilometer.

Acara berkenaan turut dimeriahkan lagi dengan sesi cabutan bertuah yang menawarkan pelbagai hadiah menarik kepada peserta yang bertuah. Bagi melengkapkan acara berkenaan, tetamu kehormat majlis juga dijemput untuk melawat ke tamu bulanan Pertubuhan WARGAMAS, yang menampilkan pelbagai jualan makanan dan minuman hasil usaha ahli pertubuhan.

Acara 'Walkatonmas' berkenaan turut disokong oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta termasuk Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB IHS), UBD; Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB); Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD); Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); sukarelawan UBD; D'Sunlit Sdn. Bhd.; Gardenia Food Industries dan Star Lodge Hotel.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan dari KKBS, Penghulu - penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung, Pertubuhan WARGAMAS, ahli-ahli PKWE seluruh daerah; NGOs dan rakan-rakan strategik KKBS.